



● BIL 252 ● 1 - 7 MAC 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

OPR PERLU DIKAWAL *dewi* KEPENTINGAN *kita*

Harakah, Black Friday
dan Takiyuddin Hassan
➤➤ 7

Microsleep pembunuh
dalam diam
➤➤ 9-11

Deretan
koleksi klasik
➤➤ 12-13

Titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim

Kestabilan politik upaya rawat krisis

AZLAN ZAMBRU

TITAH sulung Yang di-Pertuan Agong (YDPA) Sultan Ibrahim ketika pembukaan Parlimen tahun 2024 ini jelas menekankan aspek kestabilan politik yang berupaya merawat negara ketika berdepan dengan ambang kegawatan ekonomi.

Menurut Pengarah Pusat Kajian Perang Saraf Media dan Maklumat (CMIWS) Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Profesor Madya Dr Suhaimee Saahar** berkata titah itu perlu dilihat sebagai mesej jelas yang menyeru semua pihak khususnya blok pembangkang untuk memberikan tumpuan kepada kestabilan politik dan pada masa sama membantu kerajaan dalam mencerdaskan semula ekonomi negara.

"Kestabilan negara amat penting kerana ia merupakan perkara penting yang menentukan polisi dan dasar serta program-program yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Perpaduan hari ini.

"Ia berupaya menjamin pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara dan meningkatkan hubungan antarabangsa dan juga perpaduan dalam masyarakat kita.

"Jadi dengan kestabilan politik, maka wujudlah perpaduan dalam kalangan masyarakat yang merupakan refleksi atau cerminan daripada perpaduan dalam kalangan ahli politik yang menunjukkan kematangan seperti yang telah dizahirkan oleh YDPA," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Jelas Suhaimee, penegasan yang dizahirkan Sultan Ibrahim itu menunjukkan bahawa baginda

ingin memastikan segala perancangan pembangunan yang boleh meningkatkan ekonomi di peringkat persekutuan dapat melimpah ke negeri-negeri lain termasuklah yang ditadbir oleh pembangkang.

"Ia penting kerana Malaysia menuju sebuah negara yang progresif dan menerusi cabaran semasa ini jika tidak berlakunya sinergi dan ikatan diantara persekutuan dan negeri, sukar untuk kita menunjukkan imej sebagai sebuah negara yang kembali membangun dan untuk menguruskannya tekanan ekonomi semasa," katanya.

Beliau berkata peringatan Sultan Ibrahim yang enggan melayani kerehah ahli politik dalam usaha menukar kerajaan juga membuktikan baginda mahu



SUHAIMEE



TITAH Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim jelas mengingatkan Ahli Parlimen untuk berganding bahu membantu kerajaan menangani kesuraman ekonomi.

mengelakkan situasi kacau bilau yang boleh merisikokan negara.

Justeru itu, katanya amat penting dalam tempoh tiga tahun ini dapat memastikan bahawa segala undi dan cadangan mewujudkan sebuah Kerajaan Perpaduan yang stabil seperti titah YDPA.

"Dalam masa sama ia juga selari dengan hasrat Raja-Raja Melayu untuk membentuk satu gabungan perpaduan dalam kalangan parti politik kerana ia merupakan teras utama negara yang seiring dengan harapan rakyat.

"Peringatan ini haruslah diterima dengan hati yang terbuka

dan inilah masa untuk maju ke hadapan dan mungkin PRU sebelum ini banyak janji-janji yang telah dibuat dan dengan keadaan ekonomi semasa, global dan serantau, kita lihat penyelarasan dan sistem tata kelola yang lebih telus dan cekap yang sedang diusahakan dalam proses reformasi pentadbiran hari ini," katanya.

Suhaimee menyatakan bahawa pembangkang perlu menjadi satu blok yang berfungsi sebagai semak dan imbang kepada Kerajaan Perpaduan yang memimpin kini.

"Mereka harus sedar bahawa masa untuk berpolitik sudah

berakhir dan harus berperanan sebagai pembangkang yang berkualiti menerusi mekanisme semak dan imbang kerana inilah peranan yang sewajarnya diambil.

"Suara dan peranan pembangkang ini perlu untuk menyemak setiap dasar-dasar yang diperkenalkan di samping mengimbangi tindakan-tindakan kerajaan menerusi idea-idea yang bernas untuk kemakmuran rakyat.

"Ia juga tidak wajar dijadikan modal politik sehinggakan berita palsu, fitnah menjadi satu senjata untuk menakutkan rakyat malah menimbulkan gambaran kepada rakyat dengan mengatakan kerajaan ini gagal berfungsi," katanya.

Tambah beliau, tindakan mempolitikkan sebarang isu bukanlah bentuk kematangan politik yang dihasratkan oleh YDPA dan Raja-Raja Melayu malah dilihat membelakangkan titah baginda.

"Adalah penting untuk memastikan supaya mereka berpolitik secara matang, berhemah, jujur dan dinamik supaya dapat memberikan satu gambaran yang jelas bahawa kestabilan perpaduan hanya dapat diterjemahkan di dalam bentuk gabungan perpaduan yang berupaya mengikat kestabilan dan kesepaduan rakyat dalam negara ini," katanya.

Pembangkang membelakangkan titah YDPA

TINDAKAN blok pembangkang yang mempertikaikan ucapan sembah tahniah dan ikrar taat setia terhadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menunjukkan sikap tidak profesional dan tidak boleh diterima.

Penganalisis Politik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) **Mujibu Abdul Muis** berkata tindakan itu menyerlahkan kualiti sebenar pembangkang di samping dilihat enggan mematuhi titah YDPA yang mengingatkan agar setiap Ahli Parlimen menjaga adab dan tata susila ketika persidangan dijalankan.

"Ketika rakyat biasa merasakan titah daripada YDPA itu adalah satu peringatan keras yang sebelum ini tidak pernah berlaku dalam mana-mana sidang dan baginda menyatakan boleh diambil tindakan, mereka (pembangkang) dilihat mempolemikkan perkara itu dan mengenepikan tahap profesionalisme sebagai Ahli Parlimen.

"Tugas mereka diperlukan bagi memainkan peranan semak imbang dan pada masa sama mereka perlu menerbitkan kualiti perbahasan menerusi perdebatan secara profesional berkenaan dasar-dasar dan saingan-saingan idea yang baik.

"Ia bagi membolehkan Parlimen itu dijadikan medan untuk mencanai dasar terbaik untuk kesejahteraan rakyat, namun itu masih belum dapat dibuktikan," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Ujarnya, beliau melihat dua perkara yang boleh disimpulkan menerusi tindakan Ahli Parlimen yang

gagal menjunjung prinsip Rukun Negara yang dilafazkan sebelum memulakan sidang itu iaitu 'kesopanan dan kesusilaan'.

"Selain itu ia merupakan satu pelanggaran secara terus titah diraja yang bagi saya merupakan satu kekecewaan sebagai rakyat yang melihat perkara ini," katanya.

Ditanya mengenai sikap Ahli Parlimen yang membangkitkan isu



MUJIBU



TINDAKAN pembangkang keluar dewan ketika persidangan menunjukkan sikap membelakangkan titah Diraja dan prinsip Rukun Negara.

remeh seperti kedudukan kerusi Ahli Parlimen, Mujibu berkata ia menterjemahkan sikap sebenar mereka yang mahu menjadikan ia sebagai satu kontroversi demi meraih keuntungan politik.

"Bagi saya ini disebabkan hal-hal begini akan membawa kepada kontroversi yang membolehkan mereka eksploitasi situasi untuk menimbulkan keghairahan dalam kalangan

penyokong masing-masing dan menerbitkan persepsi yang tidak betul kepada kerajaan yang kononnya memperlihatkan mereka itu seolah-olah berjuang walau dari sudut yang neutral bagi saya hal-hal yang terbit itu memang betul tiada *substance*.

"Sebagai contoh mereka *walk out* beramai-ramai ketika Perdana Menteri selaku Ketua Sidang hendak mengusulkan ucapan sembah tahniah dan ikrar taat setia yang bagi saya sebagai individu yang percaya kepada Rukun Negara itu 'kesetiaan kepada raja dan negara', itu perkara yang tidak perlu timbul dan ia dijadikan sensasi.

"Ini juga mungkin hendak mencipta gelombang untuk dan meletakkan persepsi negatif terhadap kerajaan malah lebih teruk lagi seolah-olah mahu mencipta persepsi buruk terhadap Institusi Diraja seperti yang dititahkan itu, kita juga tidak tahu apa yang dimaksudkan daripada tindakan pembangkang tetapi ia jelas menunjukkan sikap *unparliamentary* dan tidak profesional," katanya.

Turun naik mata wang perkara biasa

Rakyat tidak perlu panik

SYED HAZIQUE

RAKYAT tidak perlu panik kerana ekonomi Malaysia masih berada pada paras membangun serta baik di dalam fasa pemulihan.

Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid** berkata, nilai ringgit dijangkakan lebih baik daripada sekarang susulan sokongan daripada pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan kerajaan pada masa ini.

Menurut Mohd Afzanizam, turun naik mata wang, adalah perkara biasa dan sering didorong oleh penunjuk makroekonomi memandangkan Malaysia adalah negara perdagangan terbuka.

“Kalau cakap pasal pasaran, kita tidak boleh lari daripada faktor sentimen seperti psikologi, hala tuju kadar faedah seperti negara Amerika Syarikat (AS) juga memainkan peranan.

“Melihat kepada petunjuk makroekonomi, lebihan akaun semasa bagi 2023 kekal pada 1.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai simpanan yang boleh digunakan untuk pelaburan dalam negara,” kata beliau pada Selasa.

Jelasnya, rakyat tidak perlu panik kerana kerajaan sudah merangka pelbagai kaedah untuk meningkatkan ekonomi melalui belanjawan, rancangan separuh penggal dan pelbagai lagi.

“Dalam masa sama, pelaksanaannya juga perlu dilakukan secara beransur-ansur bukan sekali gus yang akan memberi kejutan ekonomi.

“Rakyat juga tidak boleh buat sebarang andaian, saya percaya nilai ringgit akan menjadi lebih baik pada masa hadapan,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Afzanizam berkata, negara kini lebih bersedia dan pelbagai rancangan telah



MALAYSIA mempunyai simpanan yang boleh digunakan untuk pelaburan dalam negara.

dilaksanakan berbanding ketika krisis ekonomi 1998.

“Jika dahulu sistem perbankan kita tenat, jadi ia beri kesan kepada penerimaan deposit dan pinjaman, kena buat tambatan ringgit, kawalan modal dan harta namun kini tidak lagi.

“Masalah ekonomi kini lebih kepada faktor luaran, struktur, kos sara hidup dan itu semua perlukan masa untuk penyelesaian berperingkat bukan serta-merta,” jelasnya.

Tambahnya, pembangunan ekonomi sudah dirancang dan kini di dalam fasa pelaksanaan yang kini sedang dipantau hasilnya.

Katanya, walaupun nilai ringgit semasa memberi manfaat kepada pengeksporth dalam ekonomi yang bergantung kepada perdagangan, inflasi global yang tinggi telah melembapkan permintaan produk, justeru itu, ringgit menghadapi dinamik dua pilihan yang sukar.

“Ringgit dikatakan boleh memberi manfaat kepada industri pelancongan di Malaysia dalam jangka pendek.

“Tetapi kami berpendapat paras 4.80 adalah berlebihan, terutamanya dengan jangkaan pemotongan kadar oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat pada separuh kedua tahun ini,” katanya.

Dalam pada itu, media baru-baru ini melaporkan, Pengarah Urusan SPI Asset Management, Stephen Innes, berkata kelemahan semasa ringgit adalah sementara kerana pasaran global, terutamanya rakan dagangan terbesar Malaysia, iaitu China sedang mengimbangi semula trend inflasi mereka.

Beliau menyifatkan penyusutan nilai ringgit sekarang sebagai reaksi yang berlebihan.

“Namun, konteks yang lebih luas bagi banyak negara Asia yang bergelut di bawah keadaan kewangan yang ketat, terutamanya yang bergantung kepada pembiayaan dalam didominasi dolar AS, menjadikan akses pendanaan luar terlalu mahal,” katanya.



AFZANIZAM

PELABURAN TERTINGGI

DALAM SEJARAH
diluluskan pada tahun 2023

PELABUR MULA YAKIN DENGAN DASAR KERAJAAN
DASAR 'MESRA PELABURAN' DAN 'MESRA PERNIAGAAN' DENGAN PENDEKATAN 'SELURUH KERAJAAN'.

JUMLAH PELABURAN 2023 LEBIH BESAR BERBANDING 2022
RM329.5 BILLION DILULUSKAN PADA 2023 LEBIH BESAR DARI TAHUN 2022 SEBANYAK RM264.4 BILLION.

127,000 RAKYAT TEMPATAN DAPAT PEKERJAAN
SEBANYAK 36,533 PEKERJAAN DALAM PROJEK DIGITAL, KECERDASAN BUATAN (AI), BIG DATA, DATA CENTRE, CLOUD COMPUTING DAN LAIN-LAIN.

PELABUR MANA NAK DATANG KALAU EKONOMI KITA TERUK
KERAJAAN MELULUSKAN RM329.5 BILLION PELABURAN UNTUK TAHUN 2023 IAITU NILAI TERTINGGI DALAM SEJARAH YANG HASILKAN 127,000 PELUANG PEKERJAAN

INFLASI & OPR MALAYSIA

Antara Terendah

Kadar Inflasi		Kadar OPR	
India	5.1	India	6.5
New Zealand	4.7	Filipina	6.5
Brazil	4.51	Indonesia	6
Britain	4	Hong Kong	5.75
Vietnam	3.37	Amerika	5.5
Amerika	3.1	New Zealand	5.5
Canada	2.9	Britain	5.25
Korea Selatan	2.8		5
Kesatuan Eropah	2.8	Vietnam	4.5
Filipina	2.8	Kesatuan Eropah	4.5
Indonesia	2.57	Australia	4.35
Hong Kong	1.7	Korea Selatan	3.5
Malaysia	1.5	Singapura	3.48
	0	China	3.45
China	-0.8	Malaysia	3
Thailand	-1.11	Thailand	2.5

Perkenal satu sistem percukaian tangani masalah ekonomi

KERAJAAN wajar memperkenalkan satu sistem percukaian dalam menangani masalah ekonomi yang secara tidak langsung mampu meningkatkan serta mengukuhkan nilai ringgit.

Setiausaha Agung, Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia, **Dr Mohd Fairuz A. Razak** berkata ia dilihat sebagai langkah yang baik dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara.

“Kutipan hasil cukai adalah antara sumber utama pendapatan negara, dan jika dilihat sekarang wujudnya pelbagai jenis cukai di dalam membantu menjana pendapatan negara.

“Pada pandangan saya, mungkin cara terbaik, satu-satunya cukai ini, sebagai satu sistem percukaian,” kata beliau ketika

dihubungi baru-baru ini.

Namun, menurut Mohd Fairuz, pelaksanaannya bukan dalam masa terdekat memandangkan banyak perkara yang harus dititikberatkan.

“Pengenalan satu sistem percukaian amat memudahkan kerajaan malah termasuk juga pengguna. Bayangkan kita tidak lagi perlu membayar cukai-cukai yang ada buat masa ini dan hanya perlu bayar satu sahaja cukai.

“Walaupun bagaimanapun, perlu faham, satu kajian terperinci perlu dilakukan sebelum ia dilaksanakan dan banyak perkara perlu diambil maklum.

“Antara faktor yang perlu diberi perhatian semestinya ia tidak membebankan rakyat serta membantu jana pendapatan negara secara telus,” ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd Fairuz menegaskan kenaikan kadar dasar semalaman (OPR) mungkin hanya akan membebankan rakyat ditambah kenaikan kos sara hidup yang meruncing.

“Jika diikutkan OPR kita berbanding negara-negara lain memang rendah namun, ekonomi kita masih dalam fasa pemulihan selepas wabak COVID-19, kemelut politik, namun kenaikan OPR ini akan menjejaskan banyak pihak.

“Kenaikan OPR akan menjejaskan perbelanjaan rakyat, sekali gus akan merencatkan ekonomi negara secara domestik dan juga memberi kesan kepada

nilai ringgit.

“Kestabilan ekonomi ambil masa namun, kerajaan masih dalam fasa pemulihan ekonomi dengan banyak perancangan yang telah dilaksanakan,” katanya.

Terdahulu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata cadangan meningkatkan OPR dilihat bukan satu langkah terbaik untuk dilaksanakan buat masa ini.

Beliau ambil maklum ada sesetengah pihak yang memberikan pandangan atau cadangan yang mahu Bank Negara Malaysia (BNM) untuk meningkatkan OPR kerana itu bukan satu perkara yang akan membantu rakyat pada waktu ini.



MOHD FAIRUZ

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga telah menyatakan sebelum ini, di mana perkiraannya sekiranya kadar OPR dinaikkan, kadar faedah lebih tinggi bagi Malaysia tetapi kesannya nanti kepada rakyat.

Oleh kerana itu, jelas Mohd Fairuz, beliau mengakui pengenalan satu sistem percukaian baru akan membantu kerajaan serta rakyat untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

“Dalam masa sama, saya yakin, ekonomi domestik akan turut berkembang, kita perlukan ketelusan percukaian, satu sistem ini jugak tidak membebankan pihak-pihak tertentu malah menghapuskan ketidaktelusan dalam percukaian sekali gus menjana pendapatan negara dengan baik.

Isu umum harga padi beras

Kerajaan teliti manfaat dua pihak

ISU kenaikan harga beras sememangnya menjadi tumpuan saat ini. Biarpun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bakal membuat pengumuman tentang perkara tersebut pada 20 Mac depan namun ramai yang tidak senang duduk.

Di laman sosial, pelbagai pihak melahirkan rasa tidak berpuas hati kerana pengumuman tersebut mengambil masa yang agak lama untuk diputuskan sedangkan ia merupakan perkara yang penting.

Perlu difahami dengan sedalamnya bahawa perkara ini bukanlah hal yang remeh kerana ia berkait rapat antara satu sama lain. Sebagai contoh, jika beras naik, ia menjadi beban kepada pengguna begitu juga jika ia tidak naik, pesawah pula yang terbeban.

Maka, dengan sebab itu jugalah, Anwar perlu mengambil masa untuk meneliti dengan sebaik-baiknya sebelum memutuskan apa-apa keputusan agar semua pihak mendapat kebaikan.

Golongan pesawah antara yang miskin di negara ini jadi isu harga padi dan juga beras perlu menjadi agenda utama sekali gus membantu menaik taraf kehidupan golongan ini.

Memetik ucapan Anwar pada Program Madani Rakyat (PMR) Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor baru-baru ini, beliau menegaskan kerajaan harus mengimbangi tuntutan pesawah dan rakyat agar semua pihak



KERAJAAN akan mengumumkan harga padi dan beras pada 20 Mac depan.

mendapat keadilan.

“Pesawah mahu hasil padi mereka itu dinilai, maknanya kalau semua tak mahu tanam padi dan tukar (tanaman) lain untuk mendapat pendapatan lebih, negara hadapi risiko keselamatan makanan. Jadi, bagaimana hendak mengimbangi kedua-duanya?,” ujar beliau.

Tambah beliau, meskipun rakyat secara keseluruhan mahu harga beras turun dan dikawal namun di sebalik itu, pesawah adalah antara golongan paling

miskin di negara ini.

Anwar berkata kerajaan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan NACCOL diberi tempoh sehingga 20 Mac ini untuk memuktamadkan isu harga padi dan beras.

Jadi, diharapkan kepada masyarakat di luar sana, tunggu sahajalah pengumuman yang akan dibuat beberapa hari sahaja lagi. Usah terlalu ghairah membuat spekulasi sehingga boleh menimbulkan pelbagai persepsi negatif yang mengganggu gugat ketenteraman awam.

Sudah semestinya kerajaan akan mencari solusi yang terbaik dengan pendekatan holistik agar rakyat tidak terbeban sekali gus memberi manfaat kepada pesawah di negara ini. 

Tunggu kewangan negara kukuh

JIKA berbicara tentang perkhidmatan tol, ia merupakan isu sensitif kepada rakyat. Sudah tentu ramai yang meminta kerajaan untuk menghapuskannya agar tidak perlu lagi berasa terbeban untuk membayar tol apabila menggunakan lebuhraya.

Malah isu ini juga sering kali dipolitikkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi menghentam kerajaan hari ini. Sedangkan sistem tol ini telah wujud sebelum pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tiada istilah menabur janji yang diperkatakan apabila bercakap tentang isu tol kerana semua sedia maklum ia bukanlah sesuatu yang mudah dihapuskan kerana melibatkan perjanjian konsesi tol.

Memetik maklum balas Anwar terhadap pertanyaan berkaitan terlalu banyak tol di ibu negara dalam forum Program Madani Rakyat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor, beliau berkata perkara itu boleh dirundingkan apabila kewangan negara semakin kukuh.

“Saya setuju dengan anda.



PEMANSHUAN tol tidak dapat dilaksanakan kerana terikat dengan perjanjian.

Banyak orang mengadu tentang tol di Kuala Lumpur ni. Apa yang kita buat sekarang? Tetapi ia ambil masa. Kewangan negara mesti kuat baru boleh kita runding semula (konsesi tol).

“Sekarang ini kita terikat dengan perjanjian dengan syarikat-syarikat tol ni. Tol ini saya warisi (daripada pentadbiran lalu). Tol macam tu, bila kita tutup, kita kena belanja. Dia ada *standard agreement*,” kata beliau.

Diharapkan rakyat memahami situasi yang sedang dihadapi kerajaan. Biarpun sentiasa memperjuangkan rakyat sekali gus ingin memastikan tidak terbeban namun ia agak sulit untuk dilaksanakan dalam masa yang singkat.

Pun begitu, mendengari rungutan rakyat dalam mendepani isu ini, kerajaan sentiasa cakna dengan memberi tol percuma setiap kali perayaan besar seperti

Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan sebagainya.

Terdahulu, pada tahun 2022, Putrajaya menstruktur semula perjanjian mengambil alih empat lebuh raya berkaitan Gamuda Bhd. Ia terdiri daripada Lebuhraya Sprint dan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Terowong SMART. Ia bagi mengelakkan caj tol dinaikkan sehingga tamat tempoh konsesi. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

1 - 3/3/24: Fiesta PERKESO Membawa Senyuman @ MyTown Cheras

10/3/24: Kuala Lumpur City Day Half Marathon 2024 @ Dataran Merdeka

21/2-4/3/24: Ini Kraf Malaysia @ Hari Kraf Kebangsaan 2024

2/3/24: Marhaban Ya Ramadhan 2024 @ Auditorium DBKL



PUTRAJAYA

23/2 - 3/3/24: Pameran gaya Hidup Islami @ Kompleks Nasyrul Quran

2 - 3/3/24: Tawaran Hartanah Putrajaya @ Menara PJH

24/2-3/3/24: Pertandingan LAMPU Kreativiti 3R 2024

25/2/24: Putrajaya Inter Park Ride @ Taman Wetland

2/3/24: Putrajaya Lake and Wetland Explorace @ Taman Wetland



LABUAN

2 - 3/3/24: Semarak Muzium Labuan @ Muzium Labuan

2 - 3/3/24: Art Carnival @ Financial Park Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Nasihat bapa jadi azimat untuk berkhidmat

MENJADI pemimpin dalam usia muda semestinya banyak cabaran yang perlu ditempuhi, isu kemiskinan bandar, isu sosial, masalah kemudahan awam dan isu perbandaran menjadi keutamaannya dalam memastikan rakyat dapat disantuni sebaik mungkin.

Namun anak kepada seniman terkenal, Allahyarham Harun Salim Bachik yang juga Ahli Dewan Negeri (DUN) Batu Tiga, Selangor, **Danial Al-Rashid Haron Aminar Rashid**, 37, menyatakan kepada Wartawan Kanan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** bahawa beliau optimis dengan peluang yang diberikan serta pengalaman yang diraih sejak awal bergelumang dengan aktivisme sebelum ini telah memberikan panduan yang berguna dalam memberikan khidmat terbaik untuk rakyat.

Bilakah mula berkecimpung di dalam politik?

Saya mula terlibat dalam politik sejak 2004 ketika melanjutkan pelajaran di Kolej Matrikulasi dan bergiat aktif dalam Gerakan siswa di sana dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sehingga 2008. Apabila tamat pengajian pada 2008, saya kembali ke Shah Alam dan mula aktif dibelakang tabir pilihanraya 2008 sehingga menyaksikan kemenangan sulung gabungan politik Pakatan Rakyat (PR) berjaya menguasai Selangor. Sejak dari itu saya mula terlibat dalam program-program kerajaan negeri dalam membina keyakinan para pengundi yang memberikan kepercayaan kepada PR untuk memimpin Kerajaan Negeri Selangor.

Pada saat itu, saya langsung tidak pernah terlintas bahawa akan bertanding pilihanraya lebih-lebih lagi pada umur yang muda pada usia 37 tahun pada PRN 2023.

Sebagai YB yang mewakili kawasan bandar, apakah cabaran yang perlu tempuhi dalam tempoh lapan bulan sebagai Adun Batu Tiga?

Sudah tentu *expectation* pengundi sangatlah tinggi untuk dipenuhi. Saya pernah menjadi Ahli Majlis Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Kawasan elit Seksyen 7, Shah Alam dan pernah berdepan dengan pelbagai cabaran di sana. Jadi kini di Dun Batu Tiga, saya tidak kekok memandangkan sudah ada pengalaman selain Shah Alam ialah tempat saya membesar sejak berpindah dari Wangsa Maju ke Shah Alam pada sekitar 1996.

Dengan pengalaman sebagai Ahli Majlis Perbandaran, hubungan yang telah terbina dengan pegawai dan pentadbir MBSA memberikan saya sedikit kelebihan untuk mengatur masalah yang berlaku di Dun Batu Tiga.

Sebarang isu yang belaku, boleh diselesaikan dengan cepat melainkan memerlukan proses yang panjang contohnya seperti pembinaan laluan bertingkat untuk kawasan yang sesak.

Sebagai anak kepada seorang legenda seni, Allahyarham Harun Salim Bachik mewarisi darah seni dari datuk apakah ada

elemen-elemen seni di dalam diri YB?

Saya antara ramai anak Allahyarham yang kurang terlibat dalam industri seni sejak beliau terlibat sebagai seniman sejak tahun 90an. Mungkin kerana kurang minat untuk menonjolkan diri disebabkan ada sedikit sifat pemalu ketika masih kecil. Malah adik beradik yang lain pernah terlibat di belakng tabir seperti *prop master*, *entertainment team* dan lain-lain. Cuma saya secara *naturalnya* boleh bermain alat muzik walaupun hanya belajar sedikit bersama arwah ayah. Saya belajar bermain gitar dengan arwah dan beliau pernah membeli dua unit gitar untuk saya berlatih di rumah. Selanjutnya saya belajar bersama kawan-kawan ketika di asrama dan akhirnya pernah mempunyai band serta pernah menang pertandingan Talent Time semasa di matrikulasi dengan membawakan lagu OAG, 60's TV. Saya pemain Bass ketika itu.

Sehingga kini saya masih lagi berlatih bermain gitar dan drum, selain mahu mencuba bermain keyboard melalui saluran *Youtube*.

Adakah Allahyarham bapa YB pernah memberikan nasihat sewaktu membuat keputusan menjadi ahli politik?

Arwah meninggal dunia pada 2015 dan jawatan politik pertama saya yang dilantik ialah Ahli majlis MBSA pada tahun 2018. Beliau sendiri tahu saya aktif dengan parti politik dan tidak pernah menghalang. Hanya saya sendiri selalu mengambil langkah berjaga-jaga untuk terus aktif, untuk menjaga nama baik arwah yang dilihat sebagai *public figure* dan selebriti popular di Malaysia.

Beliau pernah hubungi saya ketika sedang terlibat dalam demonstrasi Bersih pada 2012. Beliau hanya pesan untuk berhati-hati dan menjaga diri sahaja.

Sejak dari itu saya terus berpegang dengan pesanan itu dan perlu ambil pendekatan yang sesuai supaya dapat menjaga diri serta maruah keluarga secara keseluruhan. Saya sentiasa mempertimbangkan setiap perkara yang dibuat agar yang dilakukan itu akan memberikan imej yang baik atau buruk kepada keluarga.

Sifat berhati-hati inilah yang saya kira adalah didikan yang diterapkan oleh arwah kepada saya untuk menjaga keluarga terutamanya politik kini dilihat kotor dan jelek dan pelbagai imej negatif dipalitkan kepada setiap ahli politik.

Apa pun saya yakin arwah serta ibu saya sendiri banyak memberikan galakan untuk terlibat langsung dalam politik dan sedikit sebanyak membantu untuk kita membuat perubahan dalam negara.

Apakah cabaran yang YB hadapi ketika berhadapan dengan Adun yang lebih senior di dalam sidang DUN?

Alhamdulillah kami mempunyai sokongan yang kuat dari rakan-rakan Adun PH yang *senior*. Untuk bersaing dari sudut prestasi khidmat di DUN, saya yakin dengan sikap progresif dan tenaga muda, saya mampu memberikan khidmat yang jauh lebih baik sekiranya dibandingkan dengan rakan *senior*.

Hanya Ketika perbincangan di dewan, pada awalnya mungkin saya agak kekok dalam memahami Buku Peraturan Tetap dan Aturan Mesyuarat, namun untuk sidang pembukaan pada tahun 2024, saya kira semua itu sudah boleh saya hadam dan adaptasi. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya selaku orang baru dalam Dewan Negeri.

Bercakap tentang soal miskin tegar, apakah yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah ini?

Setakat ini kami memanfaatkan pelbagai program menerusi Inisiatif Selangor Penyayang yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan miskin tegar di DUN Batu Tiga. Setakat ini pelbagai program bantuan telah diberikan antaranya Bakul Makanan MBI, Voucher Perayaan Deepavali dan Tahun Baru Cina, Bantuan Masuk Sekolah TAWAS dan akan datang ada voucher Perayaan Aidilfitri. Semua ini mencecah 4,000 penerima yang pelbagai yang telah mendapat manfaat dari

program ISP selain dari bantuan langsung dari Pejabat DUN Batu Tiga yang kita telah sampaikan.

Dun Batu Tiga mempunyai komposisi penduduk yang ramai berjumlah 75,000 dan sebahagian besar adalah penduduk asal generasi pertama yang masih tinggal di kawasan ini. Kebanyakan mereka adalah warga emas yang sudah tidak lagi bekerja malah ramai yang memerlukan bantuan dalam keadaan tinggal di bandar.

Jadi dalam masa perlaksanaan ISP ini, saya akan membuat sistem *database* untuk membuat mapping mengikut taraf ekonomi masyarakat. Ini akan dapat banyak membantu proses penyaluran bantuan bersasar yang akan kami

laksanakan untuk rakyat.

Bagaimana YB membahagikan masa antara tuntutan tugas dengan keluarga?

Saya percaya kepada konsep *quality time* berbanding *time quantity*. Tuntutan tugas memang mencabar dan memerlukan penglibatan saya banyak di luar berbanding di rumah. Namun saya akan memanfaatkan waktu yang sedikit dan pendek di rumah itu untuk saya bersama dengan anak-anak. Walaupun masa yang singkat, saya akan pastikan saya dapat berbual dengan mereka dan mengambil tahu tentang perkembangan semasa atau pengalaman di sekolah.

Dan sekiranya mempunyai kelapangan masa, saya kerap berada di rumah untuk melihat anak-anak serta membantu isteri tentang urusan di rumah. Sedikit yang ramai tidak tahu, saya juga berkebolehan dan mempunyai bakat dalam masakan. Antara menu yang menjadi fokus saya adalah masakan ikan yang pelbagai seperti kari, sup dan lain-lain. Hobi saya adalah memancing dan memandangkan saya juga seorang pemancing tegar, saya akan mencuri sedikit masa untuk 'healing' sekiranya mempunyai masa yang lapang. 



Singkap nostalgia perjuangan kontinjen wilayah

Teater Wilayahku tonjol elemen perpaduan

AZLAN ZAMBRY

LIMA dekad gah di persada, Wilayah Persekutuan bukan sahaja menempatkan pusat pentadbiran negara, bahkan ia wujud sebagai pembina ketamadunan penting yang telah melakar pelbagai sejarah Malaysia. Dalam usaha menyatukan ketiga-tiga wilayah ini, sudah pasti ia telah melalui pelbagai kesukaran berikutan faktor geografi, namun ia berjaya di atasi.

Labuan yang terpisah melalui Laut China Selatan sebelum ini 'sunyi' disebabkan kedudukannya yang terpencil dari radar berjaya disatukan serta berperanan sebagai hab kewangan luar pesisir antarabangsa. Ia telah melonjakkan imejnya sesuai dengan status dan tarafnya sebagai Wilayah Persekutuan.

Keunikan dan kesepaduan ini dilakar dalam pementasan teater bertajuk Wilayahku, Satu Semangat, Satu Matlamat yang bertujuan menyulam semangat kekitaan meskipun dipisahkan lautan yang jaraknya ribuan batu.

Teater ini membawa penonton menerobos masa lalu iaitu pada tahun 2006 apabila Kuala Lumpur dan Labuan disatukan buat pertama kalinya menjadi satu kontinjen mewakili Wilayah



ZALIHA dan tetamu kehormat bergambar bersama pelakon sejurus pementasan teater Wilayahku.

Persekutuan sebagai persiapan menghadapi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-11 yang berlangsung di Kedah.

Kisahnyanya bermula apabila coach Amirul yang dilakonkan oleh Josiah Hogan dimaklumkan mengenai penyertaan kontinjen Labuan yang sebelum ini berada pada kedudukan tercorot ke dalam kontinjen Wilayah Persekutuan.

Bermula detik itu, pandangan

coach Amirul skeptikal terhadap kemampuan coach Sara dilakonkan oleh Hana Nadira yang menyelaras kontinjen Labuan untuk memilih atlet bola keranjang yang bakal diletakkan sebagai pemain utama untuk dipertaruhkan dalam temasya berkenaan.

Tidak sekadar jurulatih Amirul, kapten pasukan bola keranjang Kuala Lumpur, Luqman turut merasa tercabar dan turut kalah

dalam perlawanan saringan yang dianjurkan oleh kedua-dua jurulatih itu.

Perbalahan dan perang mulut antara Luqman dan Joe, kapten pasukan bola keranjang Labuan berlanjutan apabila kedua-duanya saling berbalas tumbukan.

Namun dengan kebijaksanaan jurulatih Sara serta keterbukaan jurulatih Amirul dalam memastikan matlamat mereka untuk memenangi

SUKMA berhasil apabila berjaya menyatukan kedua-dua pihak sehingga menjadi akrab.

Selain pasukan bola keranjang, penonton turut dihiburkan dengan penampilan Leatism yang melakonkan watak Elsee seorang atlet badminton perseorangan wanita yang bergelut untuk menempatkan dirinya sebagai pemain utama. Namun pada masa sama perlu akur dengan permintaan ibunya.

Disebalik ujian dan cabaran, Elsee turut berperang dengan perasaannya yang sangsi terhadap teman lakinya, Luqman kerana kehadiran Sabrina.

Dengan kesabaran dan kebijaksanaan kedua-dua jurulatih, mereka berjaya mengenyepikan perbezaan untuk menjuarai SUKMA demi kejayaan Wilayah Persekutuan.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Sosio Ekonomi), Datuk Parang Abai @ Thomas; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kampong Bharu, Dr Amir Raslan Abu Bakar. 📷

DBKL bangun lima lokasi hijau

DIANA AMIR

LANGKAH pengurangan karbon di Kuala Lumpur bagi mengimbangi kepesatan pembangunan ekonomi, fizikal dan menjaga kualiti alam sekitar perlu dilaksanakan melalui Pelan Induk Inisiatif Masyarakat Rendah Karbon menjelang tahun 2030.

Dalam menyokong dasar tersebut, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh** berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) komited dalam memfokuskan pembangunan kawasan hijau terbiar untuk dijadikan taman kejiranan.

"Sebanyak lima lokasi kawasan hijau di Kuala Lumpur telah berjaya dibangunkan sepanjang tahun 2023. Selain itu, DBKL juga berusaha mewujudkan lebih banyak kawasan hijau menerusi program penanaman pokok bagi menyokong Kempen Penanaman 1 Juta Pokok yang melibatkan agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) menerusi program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

"Sejajar dengan itu, sebanyak tiga pokok semambu telah ditanam semasa Majlis Perasmian Taman Kejiranan Ikhlas, Bandar Tun Razak sebagai inisiatif menanam litupan hijau di Kuala Lumpur," katanya.

Kamarulzaman berkata seiring dengan inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goal) 2030, penyediaan taman kejiranan ini mampu meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan kawasan riadah dan rekreasi dalam mensejahterakan penduduk bandar.

"Ia dapat meningkatkan kualiti dan budaya hidup sihat penduduk setempat. Lokasi taman yang berhampiran dengan tempat kediaman memudahkan akses penduduk untuk beriadah ketika waktu senggang.

"Taman Kejiranan Ikhlas merupakan antara taman

terbaharu yang telah siap dibina pada tahun 2023 dengan keluasan 2.5 ekar dan telah melalui beberapa fasa pembangunan bermula sejak 2016 sehingga selesai dilaksanakan pada Mei 2023.

"Tapak yang sebelum ini adalah kawasan belukar terbiar, telah bertukar wajah menjadi sebuah taman yang indah dan selamat untuk digunakan oleh penduduk," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kamarulzaman berkata taman 24 jam ini dilengkapi pelbagai fasiliti antaranya taman permainan kanak-kanak, alat senam riang dan pejalan kaki. 📷



AHLI Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (tengah) bersama Kamarulzaman (kanan) menanam pokok pada Majlis Perasmian Taman Kejiranan Ikhlas, Bandar Tun Razak pada Selasa.

Peluang penduduk PPR/PA jelas tunggakan sewa

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Kempen Jom Bayar Sewa khusus kepada warga Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di sekitar Kuala Lumpur.

Menurut DBKL, kempen ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan penyewa membuat bayaran pendahuluan bagi mengelakkan tunggakan di samping memberi ruang dan peluang kepada penyewa bertunggakan menjelaskan tunggakan sewa.

"Sepanjang tempoh kempen, semua penyewa yang membuat bayaran berpeluang untuk menerima baucar tunai bernilai RM50 atau RM30 atau cenderahati tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

"Bagi insentif baucar tunai RM50, penyewa tiada tunggakan boleh membuat bayaran sewa secara pendahuluan untuk setahun caj sewa manakala penyewa bertunggakan pula boleh menjelaskan 50 peratus dari jumlah tunggakan sewa dengan minima RM1,000 tunggakan.

"Selain itu, bagi insentif

baucar tunai RM30 pula, penyewa tiada tunggakan boleh membuat bayaran sewa secara pendahuluan (advance) untuk tiga bulan caj semasa manakala penyewa bertunggakan perlu menjelaskan minima tiga bulan tunggakan sewa," jelas DBKL bayaran melalui semua saluran pembayaran DBKL dan perlu dijelaskan dalam tempoh 1 Januari hingga 15 Mac 2024.

Tambah DBKL, bagi cenderahati pula, penyewa boleh mendaftar dan membuat bayaran sewa di aplikasi **DBKLBayar** dengan minima sebulan caj sewa manakala penyewa bertunggakan pula perlu mengemukakan bukti bayaran sewa yang dibuat melalui aplikasi yang sama. Kedua-dua bayaran tersebut perlu dijelaskan dalam tahun ini.

Dalam pada itu, DBKL mengingatkan bayaran tunggakan sewa ini perlu dijelaskan oleh penyewa sendiri dan tidak dibayar oleh pihak ketiga selain DBKL juga berhak membuat pindaan atau perubahan promosi tanpa sebarang notis. 📷



Harakah, Black Friday dan Takiyuddin Hassan



ZULKIFLI SULONG

37 tahun lalu, menjelang 28 Februari pada setiap tahun adalah hari-hari yang menggelisahkan bagi saya. Ini kerana, pada setiap tarikh tersebut, permit Harakah, tempat saya bekerja akan tamat.

Menunggu pihak KDN (Kementerian Dalam Negeri) memaklumkan kami boleh datang untuk membuat bayaran bagi menyambung permit Harakah adalah satu tempoh yang menggelisahkan.

Bila keluarga mahu meraikan hari lahir saya, yang kebetulan juga jatuh pada 28 Februari, saya sentiasa ragu-ragu, apakah ia boleh disambut dengan gembira atau sedih kehilangan pekerjaan kalau-kalau permit Harakah tidak disambung.

Fenomena ini terus berlangsung sehinggalah kerajaan memutuskan permit penerbitan (PP) akan disambung secara automatik pada setiap tahun sehinggalah pihak kerajaan ada masalah dengan media berkenaan ataupun permitnya ditarik balik.

Hari ini, 28 Februari 2024, ketika tulisan ini dibuat, saya tidak gusar lagi untuk menyambut hari lahir kerana saya tidak lagi di Harakah.

Saya mula meninggalkan Harakah pada 2013, kira-kira 10 tahun lepas untuk membolehkan saya menyertai media lain. Saya memberikan alasan untuk menimba pengalaman dengan media lain kerana sejak 1987 hingga 2013, saya hanya belajar dan bekerja dengan Harakah. Saya perlukan pengalaman di tempat lain untuk memperluaskan lagi ilmu pengurusan dan pengalaman media yang saya ada.

Padahal, alasan sebenar mengapa saya meninggalkan Harakah bukan kerana itu. Punca sebenar adalah saya sudah tidak

berapa selesa bekerja dengan Harakah ketika pemiliknya sedang terumbang-ambing dengan perpecahan dalaman yang besar.

Ia bermula sejak 2004 lagi apabila PAS kalah teruk dalam PRU pada tahun berkenaan. Sebagai Ketua Pengarang Harakah, saya dipersalahkan. Tambahan lagi apabila kami menyiarkan tulisan Dr Farish Noor, selepas kekalahan itu, yang mengkritik golongan ulama dalam PAS yang disifatkan oleh beliau sebagai faktor utama kekalahan PAS pada tahun tersebut.

Farish mendakwa, golongan ulama dalam PAS gagal menjelaskan dengan baik isu Dokumen Negara Islam yang diperkenalkan oleh PAS sebelum itu sehingga menyebabkan PAS kalah teruk dalam PRU berkenaan.

Ekoran itu, saya telah diserang oleh golongan ulama dalam PAS dan menyebabkan saya diarahkan meninggalkan Harakah cetak dengan alasan untuk melaksanakan tugas baharu iaitu Harakah versi online yang dinamakan Harakahdaily.

Tidak sebagaimana yang diduga, Harakahdaily menjadi media yang lebih berpengaruh di dalam PAS, melebihi Harakah cetak sendiri. Ketika Harakah cetak terus merudum, Harakahdaily berjaya mencipta nama di persada media negara sehingga menjadi media kedua paling popular di Malaysia menjelang PRU 2013. Ia menyebabkan sekali lagi saya diserang oleh golongan ini.

Sejak itu, timbul perdebatan hangat di dalam PAS antara pendekatan golongan ulama dan profesional dalam parti itu sehinggalah bom itu meletup pada tahun 2015 yang memecahkan PAS, dua tahun selepas saya meninggalkan media parti tersebut.

Hampir kesemua pemimpin daripada golongan profesional dalam PAS disingkirkan pada Mukhtar 2015 yang kemudiannya menghasilkan Parti Amanah Negara atau Amanah.

Kini, Harakah berhadapan

dilema lagi. Seorang wartawannya berdepan dengan pertuduhan jenayah apabila cuba menyusup masuk secara haram ke dalam kediaman rasmi Menteri Besar Selangor.

Laporan polis telah dibuat oleh pegawai bertugas yang berjaya menangkap wartawan berkenaan ketika cuba menyusup masuk ke dalam premis yang terkawal itu. Saya dimaklumkan, wartawan Harakah berkenaan berdepan dengan dakwaan jenayah jika laporan polis ke atas beliau tidak ditarik balik.

Minggu lalu, Harakah telah membuat tajuk yang memeranjatkan. Ketika Sultan Selangor membantah tindakan Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, yang melabelkan hari keputusan kes Nik Elin lawan kerajaan negeri Kelantan diumumkan sebagai 'Black Friday', Harakah dengan bangganya menjadikan 'Black Friday' sebagai tajuk muka depannya.

Ironinya, di muka belakangnya, Harakah memilih tajuk 'PAS sokong inisiatif MKI' sedangkan dalam masa yang sama menyiarkan tajuk Black Friday pada muka depannya, yang dibantah oleh Pengerusi MKI, Baginda Sultan Selangor.

Takiyuddin mempertahankan tindakan beliau menggunakan Black Friday itu dengan alasan ia kenyataan biasa apabila seseorang peguam kalah dalam sesuatu kes di mahkamah.

"Bila saya kalah kes, saya kata 'ini Isnin yang hitam, atau Selasa yang hitam. Ia hari yang hitam untuk anak guam saya,'" katanya dalam nada bergurau ketika sesi dialog antara pemimpin PAS dengan media berbahasa Cina di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Takiyuddin boleh bersilat lidah dengan kenyataannya sebagai seorang peguam yang pandai berhujah, tetapi bagaimana pula dengan Harakah?

Adakah Harakah juga mahu bersilat lidah atau terus kekal dengan tajuk muka depannya itu? Sekadar pandangan...



Atasi gangguan air

KHABARNYA kerap berlaku gangguan bekalan air tidak berjadual di Jalan Genting, Setapak, yang juga melibatkan kawasan Gombak. Terbaharu adalah pada minggu Februari lalu, dari awal pagi hingga hampir tengah malam.

Menurut maklumat rakan-rakan yang tinggal di kawasan tersebut, sebelum ini memang kerap berlaku gangguan. Penduduk bagai sudah lali, sekadar mengeluh kenapa sering terjadi.

Putus bekalan air mendatangkan banyak masalah dalam urusan seharian. Kerap kali paip pecah merupakan punca utama gangguan. Ada kes kerana korek mengorek jalan. Tetapi banyak kes paip pecah mungkin kerana faktor paip yang sudah terlalu lama sehingga tidak dapat menahan tekanan.

Jika begitu, tidak adakah perancangan sistematik untuk mengganti semua paip lama? Maklum jika paip sudah berpuluh tahun terpendam dalam perut bumi, daya tahannya semakin merosot.

Kalau paip besi, kerat sudah tebal menyebabkan aliran air jadi sempit. Lagi mudah paip pecah.

Barangkali Air Selangor menghadapi kekangan memantau masalah ini. Air Selangor ialah operator air terbesar di Malaysia, menyediakan bekalan air bersih kepada lebih 8.4 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Memang luas skop perkhidmatan Air Selangor yang mendominasi bekalan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Tugasnya mencabar, menangani jika berlaku masalah di loji, atau paip pecah. Pergantungan kepada Air Selangor begitu tinggi.

Untuk waktu ini kawasan yang menerima khidmat Air Selangor perlulah terus dengan tradisi yang ada. Cuma harapan ramai, Air Selangor hendaklah berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna, termasuk memastikan tidak terlalu kerap berlaku gangguan bekalan tidak berjadual.

Allaudeen bakal bersara

KUALA Lumpur bakal memperoleh ketua polis baharu berkuatkuasa 25 Mac ini. Kawan-kawan Kedai Kopi ucapkan tahniah kepada Datuk Rusdi Mohd Isa yang bakal menyandang jawatan tersebut, menggantikan Datuk Allaudeen Abdul Majid yang bersara wajib mulai 1 April.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman itu adalah antara 45 pegawai kanan yang terlibat dalam pertukaran dan kenaikan pangkat seperti diumumkan oleh Setiausaha Polis Diraja Malaysia (PDRM), Alzafry Ahmad baru-baru ini. Rusdi juga dinaikkan pangkat Komisioner.

Allaudeen dilantik Ketua Polis Kuala Lumpur pada Ogos 2023. Sebelumnya beliau ialah Timbalan Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman. Beliau menggantikan Datuk Seri Shuhaily Mohd Zain yang dilantik Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman.

Walau pun tidak lama menerajui kontingen polis Kuala Lumpur, Allaudeen telah melaksanakan tugas dengan membanggakan, terutama dalam menangani kadar jenayah di ibu kota. Tugas ini begitu mencabar, terutama dengan kedudukan sebagai ibu negara yang pesat membangun.

Antara usaha beliau ialah

memastikan Lorong Haji Taib, Chow Kit, yang biasa dikenali sebagai 'kawasan hitam', berubah menjadi kawasan putih. Kegiatan jenayah seperti dadah, gangsterisme dan pelacuran berjaya dikawal, digantikan dengan pelbagai aktiviti perniagaan.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya segala usaha baik yang dilakukan oleh Allaudeen akan diteruskan oleh Rusdi demi memastikan keselamatan dan ketenteraman warga kota terus terpelihara. Kita mahu bukan sahaja kadar jenayah menurun, mereka yang terlibat juga dibawa ke pengadilan.

Pengalaman luas Rusdi selama berkhidmat dengan PDRM dengan memegang pelbagai jawatan akan menjadi aset penting menjalankan tugas dalam kota metropolitan yang serba mencabar. Diharap warga kota sentiasa menjadi mata dan telinga untuk membantu polis menjalankan tugas dengan lancar. Semua demi kebaikan bersama.

Selamat datang kepada Rusdi. Warga kota meletakkan harapan tinggi kepada beliau memastikan Kuala Lumpur terus bersih daripada gejala jenayah dan maksiat. Kepada Allaudeen, selamat bersara. Semoga menjalani persaraan dengan tenang dan damai. Jasa bakti tidak akan dilupa.

KLAB rancakkan dunia buku



KU SEMAN KU HUSSAIN

DALAM kalangan peminat buku, acara terbesar yang diadakan di Kuala Lumpur minggu lalu adalah Pesta Buku Alternatif Kuala Lumpur (KLAB) di Central Market. Acara buku itu boleh dianggap sama meriahnya dengan peminat muzik di konsert artis antarabangsa pilihan mereka.

Central Market penuh sesak dengan 'wajah-wajah baharu' yang datang kerana KLAB dan mereka adalah peminat buku atau yang baru berjinak-jinak mengalami kehidupan yang lebih indah apabila berdamping dengan buku.

Diadakan pada Khamis dan berakhir Ahad lalu, KLAB dilihat sebagai acara besar dalam dunia buku yang melibatkan penerbit, penulis dan pembaca. Bukan sahaja untuk industri buku, tetapi juga ke arah membina khalayak buku yang baharu terdiri dalam kalangan remaja.

Selain untuk khalayak buku yang sedia ada, usaha membina khalayak baharu juga sama pentingnya dengan mengangkat buku sebagai industri yang lebih berdaya maju. Dengan memiliki saiz khalayak yang besar itu memungkinkan sumbangan pada bidang penerbitan dan seterusnya penulis buku.

Daripada pengamatan selama empat hari di Central Market, pesta buku itu sudah mencipta pengikut yang tersendiri dan mempunyai rupa bentuk acara buku yang unik. Sekalipun berskala kecil, pesta buku itu memberikan pilihan buku yang pelbagai – sastera, sosio-sejarah, agama dan karya popular.

Dunia buku tempatan memerlukan acara yang seperti itu untuk menghidupkan suasana serta memberikan pilihan kepada pengunjung mendapatkan karya-karya yang menjadi bualan ramai. Di reruai yang menjual buku yang agak berat juga menjadi tumpuan pengunjung.

Hal itu membuktikan semua



KLAB berjaya mencipta pengikut yang tersendiri. - Foto: Rozan Mat Rasip

buku ada peluang untuk menemui pembaca dan pembaca pula berpeluang mendapat buku yang menjadi pilihan. Tambahan pula pada era ruang kebebasan berkarya yang agak luas ini, banyak buku baik dan telus perlu disambut oleh pembaca.

Buku-buku yang baik sekalipun 'dilihat' tidak baik untuk pihak tertentu sebenarnya mendokong iltizam untuk membina pemikiran rakyat seterusnya membangunkan negara. Penguasa pula tidak perlu ada fobia melampau terhadap buku yang mengemukakan pemikiran yang bertentangan.

Daripada tinjauan rambang sepanjang pesta buku itu, terdapat banyak juga pengunjung yang semata-mata datang ke Kuala Lumpur untuk ke pesta buku itu. Mereka datang dari utara, selatan dan pantai timur untuk berbelanja buku. Maknanya acara pesta buku itu tidak sahaja dikunjungi oleh warga di Lembah Klang.

Hal yang demikian adalah suatu yang membanggakan kerana acara buku terus mendapat sambutan termasuk oleh mereka yang jauh dari Kuala Lumpur. Seperkara lagi hal itu menunjukkan KLAB sudah menjadi jenama yang diyakini kepada peminat buku selain Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

KLAB juga dilihat boleh menjadi landasan kepada penulis tempatan memperkenalkan karya kepada khalayaknya. Dengan adanya KLAB penulis tempatan mendapat peluang untuk berkongsi idea dan pengalaman mereka dengan pembaca pada acara sampingan di pesta buku itu.

Idea asal KLAB dicetuskan oleh Pengarah Urusan Buku FIXI, Amir Muhammad dan memulakan pada 2008 di bangunan Annexe di sebelah Central Market. Acara awal itu terbuka kepada beberapa reruai sahaja disebabkan ruang yang terhad.

ada yang menganggap buku sudah kehilangan pembaca. Usaha itu telah membuktikan buku sebenarnya bukan sahaja ada khalayak malah semakin bertambah besar.

KLAB dianjurkan oleh Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dengan kerjasama Buku FIXI dan Patriot Publishing. Pesta buku yang baru berlangsung itu adalah kali ke-15 dan merupakan tiga kali berturut-turut di Central Market.

Usia pesta buku itu juga membuktikan kemantapan dan iltizam tinggi oleh penganjur. Sebenarnya bukan suatu yang mudah untuk menjadikan sesuatu acara itu konsisten tahun demi tahun. Bagaimanapun Amir dan rakan-rakan membuktikan bahawa kesungguhan itu sebenarnya mengatasi faktor-faktor lain yang selalu menjadi penghalang termasuk kewangan.

Amir memberitahu, pada tahun-tahun awal, penganjur KLAB banyak digerakkan oleh beliau dan rakan-rakan yang terdiri daripada Pang Khee Teik, Goh Lee Kwang dan Zulhabri Supian. Pang Khee Teik dan Goh Lee Kwang mewakili Annexe.

"Hasil yang dilihat daripada KLAB hari ini turut disumbangkan oleh kawan-kawan yang bertungkus lumus di tahun-tahun awal menganjurkan pesta buku ini. Mereka orang di belakang tabir yang memainkan peranan besar dalam KLAB," beritahu Amir.

Amir membayangkan tidak akan tergesa-gesa untuk membesarkan saiz pesta buku itu dalam masa terdekat kerana mahu

Idea asal KLAB dicetuskan oleh Pengarah Urusan Buku FIXI, Amir Muhammad dan memulakan pada 2008 di bangunan Annexe di sebelah Central Market. Acara awal itu terbuka pada beberapa reruai sahaja disebabkan ruang yang terhad.

lebih memberi peluang kepada rakan-rakan daripada penerbitan buku *independent*. Pesta buku adalah antara kegiatan yang boleh menyumbang pada kerancakan berkarya, membaca dan menerbitkan buku.

Daripada segi sambutan, Amir memberitahu, dua tahun sebelum ini KLAB telah mencatatkan jumlah pengunjung yang luar biasa berbanding sebelumnya. Untuk dua tahun berturut-turut di Central Market, KLAB mencatatkan 50,000 orang pengunjung.

"Walaupun tidak semua datang secara khusus untuk KLAB, ini adalah satu yang baik untuk kita mendapatkan pembaca baharu dan tidak sahaja bergantung kepada yang sedia ada," kata Amir yang turut memberitahu pesta buku yang baru berlalu itu diberikan kelainan dengan membahagikan pada tiga zon iaitu dalam Central Market, dua jambatan dan bahagian luar bangunan.

Antara penerbit buku yang mengambil bahagian dalam KLAB kali ini adalah Buku FIXI, Patriots Publishing, IBDE, Iman, Rabak-Lit, PTS, Karangkrak, Pelangi, Kedai Pak Latip, Biblio Press, Manes, RA Arts Haven, Must Read, SAFIY Art & Publishing, RC Publication, Hikayat Fandom, Riwayat, Tokosue, Tarbiah Sentap, Pelita Dhihin, Working Desk Publishing, Geng Buku, Dua Penulis, Whitecoat, Tentang Kita, Penerbitan Hayrat, Ramlee Awang Murshid dan Kedai Dr Maszlee.

KLAB sentiasa menyediakan buku-buku yang kita perlukan sekalipun skalanya lebih kecil berbanding PBAKL. Buku-buku yang menjadi bualan di media sosial ada di KLAB dan boleh berbelanja dalam keadaan yang agak selesa di Central Market.

Di sudut lain pula, sekalipun tanpa disebut oleh mana-mana pihak, KLAB sebenarnya adalah acara tahunan yang bertapak kukuh dan menyumbang pada kedudukan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada 2020 yang lalu.

RAGAM KOTA

F#minor




LAKARAN SEJARAH

LANGKAH pertama itu adalah sejarah. Kini sejarah itu telah membina masa depan yang lebih gemilang disebabkan matlamat penganjuran tidak menjurus pada keuntungan yang berbentuk material semata-mata. Malah sebagai usaha menggerakkan satu bidang yang dianggap sesetengah pihak tidak berpeluang untuk maju.

Amir yang bukan sahaja seorang penerbit, tetapi juga peminat buku tegar dan pengarah filem melihat KLAB berpotensi berkembang sekalipun

Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



WK2

Bil 252 . 1-7 MAC 2024

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

MICROSLLEEP

PEMBUNUH *dalam* DIAM

45 peratus lelaki lebih kerap tertidur

DIANA AMIR

MICROSLEEP adalah satu keadaan di mana individu tertidur atau hilang tumpuan pada jangka waktu singkat tanpa disedari oleh individu itu sendiri. Ianya boleh berlaku dalam pelbagai keadaan terutamanya jika individu yang sedang melakukan sesuatu yang mendatar atau monotonous.

Definisi *microsleep* adalah terlelap antara 0.5 hingga 30 saat, tanpa menyedari, tanpa amaran dan berlaku sentiasa percaya bahawa dia tidak terlelap. Sering kali kelihatan tersenguk-senguk di ruang menunggu, di dalam kelas, mendengar ceramah, membaca buku, menonton televisyen dan paling merbahaya adalah ketika memandu.

Antara tanda-tanda individu tersebut mengalami *microsleep* adalah menguap tersenguk-senguk, kelopak mata tertutup atau mata kuyup, mata kelip-kelip, tatapan kosong (*blank stare*) dan kurang responsif terhadap 'external stimuli' seperti lori besar atau selekoh. Ng Boyle et al (*transport research part F Traffic psychological behaviour*, 2008 March) dalam kajiannya menunjukkan sewaktu *microsleep* individu menunjukkan deteriorasi dalam pemanduan terutamanya di selekoh dan lupa kejadian di saat akhir sebelum terlelap.

Difahamkan ianya terjadi apabila badan berasa letih otak akan tertidur beberapa saat, walaupun mata terbuka dan tangan memegang stering. Satu kajian terhadap tikus yang kurang tidur (*sleep deprived*) menunjukkan

saraf otak, tidur di satu bahagian, sementara bahagian otak yang lain masih sedar. Keadaan ini menyebabkan individu tidak sedar bahawa dia telah terlelap.

Menurut Pakar Otorinolaringologi (ORL) yang juga Clinical Sleep Health Educator, **Dr Saraiza Abu Bakar**, antara penyebab *microsleep* adalah tidak cukup rehat contohnya melakukan pelbagai tugas dan kerja tambahan, tidak cukup tidur yang boleh memberi kesan terhadap kualiti tidur seseorang seperti penyakit tidur berdentur berapnea (OSA).

"Selain itu masalah insomni, jadual tidur tak menentu kerana bekerja shift dan *jet lag* (setelah merentasi garisan zon waktu) juga menyebabkan masalah tidak cukup tidur. Terlalu penat 'severe exhaustion', seperti membuat kerja-kerja rumah, menjaga bayi kecil atau lain-lain tugas.

"Penggunaan ubat-ubatan yang boleh menyebabkan mengantuk seperti *antihistamin*, ubat tidur *benzodiazepine*, ubat *epilepsy*, sebahagian ubat jantung dan lain lain yang boleh meningkatkan *microsleep*," katanya.

KOMPLIKASI

MENGULAS lanjut, Saraiza berkata 'Obstruktif Sleep Apnea' (OSA) atau penyakit tidur berdentur berapnea adalah keadaan individu mempunyai masalah pernafasan sewaktu tidur ianya disebabkan oleh berdentur dan terhenti nafas yang boleh menyebabkan kualiti tidur seseorang terganggu.

"Tidur yang terganggu

(*fragmented sleep*) yang terjadi pada penghidap OSA boleh menyebabkan pelbagai komplikasi, antaranya adalah hipertensi, penyakit jantung koronari, aritmia jantung, Diabetes Mellitus 2.

"Selain penyakit fizikal, gangguan emosi dan memori juga boleh berlaku dan membebaskan penderita selain kecenderungan kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh *microsleep*. Jika OSA tidak dirawat segera ia boleh berakhir dengan strok dan kematian," ujarnya.

Tambah Saraiza terdapat beberapa waktu pada ritma sirkadia yang menyebabkan seseorang mengantuk.

"Pada awal pagi antara 4 hingga 5 pagi dan lewat malam iaitu 12 tengah malam sehingga 2 pagi. Penurunan ritma sirkadia semula jadi 12 tengah hari sehingga 2 petang selepas makan tengah hari di mana ia boleh menyebabkan seseorang mengalami *microsleep*," katanya.

Beliau yang juga merupakan penulis buku 'The Miracle of Sleep' memetik satu kajian *Road Safety Charity Brake*, yang dilakukan terhadap 1,000 pemandu, sebanyak 45 peratus (%) pemandu lelaki mengakui mengalami *microsleep* berbanding dengan hanya 22% sahaja wanita yang mengalaminya.

"Lelaki juga lebih berisiko mengalami OSA berbanding wanita, tetapi selepas menopause risikonya hampir sama.

"Meskipun *microsleep* terjadi dalam tempoh kurang dari 30 saat, namun kesannya adalah sangat merbahaya sehingga



MICROSLEEP terjadi dalam tempoh kurang dari 30 saat.



KURANG tidur akan membuat badan berasa letih.

mengorbankan banyak nyawa. Ia boleh berlaku bukan sahaja semasa memandu kenderaan tetapi juga semasa mengendalikan jentera berat, memberi administrasi ubat (*injection*) melakukan pembedahan dan pelbagai tugas yang memerlukan konsentrasi tinggi.

"Sekiranya *microsleep* berlaku sewaktu tugas ini ia boleh menyebabkan malapetaka yang merbahaya. Antara contoh yang ada dalam sejarah seperti *waterfall train disaster* 2003, di mana pemandu mengalami serangan jantung tetapi pembantunya dikatakan mengalami *microsleep*.

"Contoh lain adalah bencana Chernobyl Nuclear Reactor Ukraine 1983 April 26, berada dalam keadaan *sleep deprived*.

"Manakala di Malaysia pula adalah insiden kematian Pengasas Dnas ada kaitan dengan *microsleep* berikutan pemandu mengakui mengantuk ketika memandu dari kediamannya yang berlaku pada Mei 2019 dan pada 2 Disember 2020 seorang *runner* maut apabila motosikal yang ditunggang mangsa dilanggar oleh sebuah kereta di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban," katanya selain yang dinyatakan terdapat pelbagai lagi insiden kemalangan yang dilaporkan

akibat *microsleep*.

Berkongsi cara menghindari *microsleep* terutama bagi pemanduan, Saraiza berkata antaranya adalah berbual bersama teman atau mendengar radio buat mereka yang memandu sendiri, dapatkan siaran yang lebih *energetic* untuk mengelakkan rasa mengantuk.

"Sekiranya terpaksa bekerja atau melakukan tugas berat sebelum perjalanan panjang maka berhenti dan rehat secukupnya di Rehat dan Rawat (R&R) untuk tidur sekejap atau snek.

"Selain itu, pastikan tubuh tegak dan sedikit bergerak. Sekali sekala membuka tingkap untuk membenarkan ventilasi yang lebih segar.

"Mereka juga boleh mengambil vitamin C atau pemakanan berkhasiat seperti buah-buahan. Kita juga sering didoktrin dengan pengambilan kafein ia membantu menghilangkan rasa mengantuk namun hakikatnya ia hanya berkesan selepas 15 hingga 20 minit, banyak kajian menyarankan mengenai 'coffee nap' serta *power nap*," pesannya pemandu juga tidak boleh mengambil sebarang ubatan yang menyebabkan mengantuk sebelum memandu atau mengendalikan jentera berat. 




Syukur Allah masih pinjamkan nyawa

“TIBA-TIBA sahaja apabila sedar, kereta saya sudah melanggar pembahagi jalan di lorong yang bertentangan,” ujar **Norzazrina Zainuddin** yang mengalami kemalangan akibat *microsleep*.

Berkongsi pengalaman pahit tersebut, Norzazrina, 37, berkata faktor utama berdepan perkara tersebut kerana dia terlalu penat serta tidak mendapat tidur dan rehat yang mencukupi.

“Kejadian berlaku pada pukul

5.30 pagi di mana ketika itu saya bersendirian dalam perjalanan dari Pahang ke Melaka atas urusan kerja. Sebaik tiba di jalan Kuantan *bypass* menghala ke Gambang berhampiran Bukit Rangan, saya tersedar apabila kereta sudah melanggar pembahagi jalan di lorong bertentangan,” ujarnya



NORZAZRINA

kejadian tersebut berlaku ketika tahun 2015.

Mengimbau detik-detik tersebut, wartawan penyiaran di sebuah portal ini berkata, dalam keadaan separa sedar, dia sempat mencapai telefon bimbit untuk meminta pertolongan rakannya.



KEADAAN kenderaan yang dinaiki Norzazrina 'total lost'.

MICROSLEEP



1. JANGAN MEMANDU JIKA MENGANTUK
2. GERAKKAN TUBUH BADAN
3. DENGAR RADIO
4. BERBUAL
5. BERTUKAR PEMANDU
6. MAKAN VITAMIN
7. REHAT YANG CUKUP
8. BERHENTI SEKETIKA UNTUK BEREHAT

PENCEGAHAN



Memandu antara jam 10 malam hingga Subuh 4 kali lebih berisiko untuk terlibat dalam kemalangan maut.

Panduan jumlah tidur mengikut umur:



Bayi

4 bulan hingga 12 bulan

12 hingga 16 jam setiap 24 jam, termasuk tidur siang

Kanak-kanak

1 hingga 2 tahun

11 hingga 14 jam setiap 24 jam, termasuk tidur siang

Kanak-kanak

3 hingga 5 tahun

10 hingga 13 jam setiap 24 jam, termasuk tidur siang

Kanak-kanak

6 hingga 12 tahun

9 hingga 12 jam setiap 24 jam

Remaja

13 hingga 18 tahun

8 hingga 10 jam setiap 24 jam

Dewasa

7 jam atau lebih setiap malam

“Selepas membuat panggilan telefon, saya terus tak sedarkan diri dan sudah berada di wad kecemasan. Kemalangan itu membuatkan saya menerima 10 jahitan di kepala dan muka selain pergelangan kaki kiri juga retak.

“Kejadian tersebut menyebabkan keyakinan diri mula menurun kerana hampir separuh muka saya cedera kerana tidak memakai tali pinggang keledar. Selain itu, kereta saya juga *total lost*,” ujarnya masih trauma untuk memandu sekiranya penat dan mengantuk.

Tambahnya, untuk mengelakkan perkara tersebut berulang, dia sentiasa memastikan dirinya mendapat rehat secukupnya sebelum memulakan perjalanan jauh mahupun dekat.


“Diharapkan pemandu di luar sana tidak memaksa diri memandu dalam keadaan penat kerana *microsleep* ini boleh terjadi meskipun dalam keadaan mata sedang ‘terbuka’. Kalau rasa mengantuk, berhenti dan berehat lima ke 10 minit pun tidak mengapa. Jangan menyesal di kemudian hari,” pesannya agar orang lain tidak mengalami pengalaman pahit seperti ini.

Bagi Mohd Iman Rizal pula, dia bernasib baik kerana tidak terlibat dalam kemalangan meskipun pernah mengalami episod tidur singkat itu beberapa kali dalam perjalanan pergi dan balik ke tempat kerjanya.

“Antara detik yang saya tidak dapat lupakan apabila tiba-tiba terlelap dan nyaris melanggar bas di hadapan. Mungkin jalan tersebut berbukit membuatkan bas tersebut bergerak perlahan.

“Ketika itu pukul 2 petang ditambah cuaca yang panas menyebabkan saya mengantuk,” ujarnya yang bersyukur kerana sempat memperlakukan kenderaan.

Terdahulu, statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), antara tahun 2011 hingga 2021 terdapat 1,305 kematian disebabkan mengantuk selain menurut statistik pada tahun 2010 dan kajian dari Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), 15 peratus responden menyatakan kemalangan yang berlaku di Lembah Klang adalah disebabkan mengantuk manakala 53.3 peratus pula berpunca daripada kualiti tidur.



Deretan koleksi klasik

SHUAIB AYOB

VINTAJ dan wow! Koleksi kereta klasik pastinya mempunyai nilai estetika dan daya tarikan tersendiri buat pemiliknya. Namun, bukan mudah untuk menjaga dan menyelenggara kereta lama agar terus berada dalam keadaan *tiptop*. Jika tidak kena cara penjagaannya, ribuan ringgit pula terpaksa dibelanjakan.

Ternyata di Malaysia, masih ramai yang menghargai dan mengumpul kereta klasik ini, ada yang menjadikannya hobi, ada yang mewarisinya, malah ada juga yang menyimpan dek kerana nilai sentimental dengan jutaan memori buat si pemilik.

Baru-baru ini Lensa *Wilayahku* berpeluang merakam pameran kereta klasik anjuran My Classic Car yang diadakan di Petaling Jaya. Lebih 200 deretan kereta yang penuh nilai estetika dipamerkan untuk tontonan ramai. **W**





ANTARA kereta yang dipamerkan sepanjang pameran My Classic Car.

Bukti komitmen kemajuan teknologi

Malaysia nombor 1 skor 5G Global

AZLAN ZAMBRY

MALAYSIA kini berada di kedudukan pertama seluruh dunia untuk Skor Konsistensi 5G pada tahap 97.27 peratus menurut Ookla pemimpin global dalam perisikn rangkaian dan cerapan kesalinghubungan.

Kementerian Komunikasi dalam kenyataan memaklumkan pencapaian ini bukan sahaja membuktikan komitmen Malaysia terhadap kemajuan teknologi, tetapi juga mencerminkan usaha bersepadu oleh industri telekomunikasi, badan kawal selia dan agensi kerajaan untuk membina infrastruktur 5G yang teguh dan boleh dipercayai.

“Skor tersebut merupakan metodologi khusus Ookla untuk mengukur kelajuan yang memenuhi kedua-dua kriteria – muat turun dan muat naik – masing-masing 25 Mbps dan 3 Mbps,” kata Kementerian Komunikasi baru-baru ini.

Kenyataan itu juga menyatakan, berdasarkan data Speedtest Intelligence Ookla pada suku keempat 2023 pula, Malaysia menduduki tangga ketiga peringkat global bagi kelajuan muat turun 5G, iaitu 451.79 Mbps.

“Ini meletakkan Malaysia mendahului negara jiran di Asia Tenggara, Amerika Syarikat dan United Kingdom,” katanya.

Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa Malaysia bersedia untuk beralih kepada model dwirangkaian dan memacu inovasi serta meningkatkan prestasi rangkaian mudah alih.

“Ini mencerminkan Malaysia terbuka untuk menerima teknologi baharu dan memupuk persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan serta pembangunan,” kata kenyataan itu.

Kementerian Komunikasi turut menyatakan, berdasarkan laporan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), Malaysia turut melakar kejayaan setelah memperoleh skor cemerlang 94.5 daripada 100, dalam Indeks Pembangunan ICT 2023.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil merasmikan Pavilion Malaysia di Mobile World Congress (MWC 2024), Barcelona bersama Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din (kanan) dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Nik Kamaruzaman Nik Husin (kiri).

“Skor ini menjangkau purata global yang membolehkan Malaysia berada di kedudukan ke-15 peringkat global dan ke-3 di rantau ASEAN,” katanya.

Malaysia telah berjaya melancarkan Pavilion Malaysia yang membuat



penampilan sulung di Mobile World Congress (MWC 2024).

“Penyertaan Malaysia di MWC 2024 diketuai oleh Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bertindak sebagai agensi pelaksana,” kata kenyataan itu.

Bertemakan Accelerating a Connected Tomorrow, pavilion ini membuka peluang untuk Malaysia menyerlahkan komitmen dan ketersediaan sebagai hab inovasi dalam sektor komunikasi. Pavilion Malaysia di MWC 2024 menampilkan para pempamer daripada sektor komunikasi di peringkat antarabangsa.

Fahmi berkata, Tema Pavilion Malaysia ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk memacu pembangunan dan inovasi yang kini bergerak pantas.

“Kami menyasarkan Malaysia kekal berada di barisan hadapan kemajuan teknologi,” katanya dalam kenyataan sama.

Kementerian Komunikasi berkata, sehingga penghujung tahun 2023, 8.4 juta premis



PAVILION Malaysia di MCW 2024.

telah memperoleh akses Internet berkelajuan gigabit dan purata kelajuan jalur lebar amat membanggakan iaitu mencecah 178.1Mbps dan liputan rangkaian di kawasan berpenduduk mencatatkan 97.07 peratus.

“Satu lagi kejayaan pelaksanaan 5G Malaysia ialah menerusi penubuhan Syarikat Tujuan Khas (SPV) untuk mempercepat proses pelaksanaan 5G.

“Hasilnya, Malaysia mencatatkan 80.2 peratus liputan rangkaian di kawasan berpenduduk,” katanya.

Terdahulu, pada MWC 2024, beberapa memorandum persefahaman akan ditandatangani yang menumpukan bidang strategik utama dan tidak terhad kepada penyelesaian 5G bertaraf dunia, percubaan lapangan termaju 5G serta pembangunan bakat dalam industri komunikasi.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif), Kementerian Komunikasi, Nik Kamaruzaman Nik Husin dan Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din. 



FAHMI (tengah) bersama deligasi Malaysia ke MCW 2024.



ISU

BESAR

Bakal Tiba.....



Snek eksotik kebanggaan rakyat Malaysia

HAZIRAH HALIM

BUKAN mudah untuk berjaya namun tidak mustahil untuk mencapainya seperti kata pepatah 'Bersusah-susah dahulu, Bersenang-senang kemudian'. Itu perumpamaan yang dapat digambarkan apa yang pernah dilalui pengusaha Aducktive Food Sdn Bhd, Mohamad Anif Azami.

Lima tahun lalu ketika perniagaannya baru bermula, dia dan isteri, Nor Shahira Kamaruzaman memulakan perniagaan tanpa modal yang besar, hanya menggunakan saki baki duit gaji yang diperolehi.

Malah, mereka hanya memanfaatkan peralatan yang ada di rumah selain membeli barangan terpakai bagi menghasilkan snek Aducktive yang dikategorikan sebagai snek eksotik atau umami snek.

"Saya akui bukan mudah untuk berada dalam perniagaan namun kalau tak cuba, bagaimana kita tahu. Permulaannya kami cuba pasarkan kepada kawan-kawan dan kenalan, bila ramai yang cuba, mereka kongsi maklum balas yang sangat positif.

"Alhamdulillah jualan sangat hebat serta menjadi kegemaran ramai tidak kira musim. Lebih membanggakan, setakat tahun 2024, Aducktive juga telah merekodkan hampir 5 juta unit telah terjual di pasaran menerusi dua segmen iaitu secara atas talian dan melalui kedai-kedai," ujarnya.

Menggunakan bahan asas premium seperti emping jagung, kulit popiah dan cendawan tiram, itu merupakan kelebihan snek Aducktive yang tidak sama dengan snek berasaskan kentang dan jagung yang terdapat di pasaran.



MOHAMAD ANIF dan isteri sentiasa memastikan Aducktive mampu bersaing di pasaran dalam dan luar negara.

Turut berkongsi kejayaan dengan masyarakat di luar, setakat 2024, Aducktive mempunyai seramai 1,000 orang dropship, ejen dan stokis yang berdaftar di seluruh Malaysia dan Singapura.

"Kami juga sudah menembusi pasaran luar negara seperti Amerika Syarikat, Brunei, Hong Kong, Singapura dan lain-lain. Sempena ulangtahun ke-5 Aducktive, kami baru sahaja menghantar 10 jenis produk untuk ke pasaran Amerika Syarikat.

"Justeru itu untuk tahun 2024 ini, Aducktive perlu lebih agresif dalam mengedarkan produk ke pelbagai rangkaian jualan dan lokasi agar misi kami untuk lebih dikenali dan menjadi snek kebanggaan rakyat Malaysia dapat direalisasikan," ujarnya.

Berkongsi kenangan manis,

Mohamad Anif berkata usahawan stokis Aducktive pernah melakukan jualan sehingga RM3 juta setahun dan mereka juga mampu menjana pendapatan bersih sebanyak RM20,000 sebulan.

"Kini kami dapat berkongsi peluang pekerjaan dengan seramai 30 anak muda tempatan di kilang di samping menjana pendapatan dengan ribuan usahawan ejen dan stokis di seluruh Malaysia," ujarnya terharu.

Selain itu, dia juga amat meniktiberatkan kualiti dan persembahan dengan kerap mengeluarkan produk terbaharu termasuklah menjadikan sesetengah produknya sebagai makanan bermusim untuk membuat pelanggan sentiasa menanti produk keluaran Aducktive. 

Sate tulang ayam digemari ramai

SATE daging lembu, ayam atau kambing sudah terlalu lazim dinikmati di gerai atau restoran menawarkan makanan tradisional itu yang popular di Malaysia.

Namun, sebuah gerai yang terletak di dalam Restoran Nasi Vanggey Greentown di sini menawarkan sesuatu yang luar biasa apabila menyediakan 24 jenis sate termasuk sate landak, arnab, kijang dan rusa.

Pengusahanya Norseha Mohmed Said, 37, yang mengusahakan gerai Ratu Satay sejak dua tahun lepas, berkata dia cuba mencari kelainan dan mahu memberikan banyak pilihan kepada penggemar hidangan itu yang dinikmati bersama kuah kacang.

"Sambutan amat menggalakkan terutama pada hujung minggu. Gerai saya mendapat perhatian peminat sate yang mahu merasa pelbagai jenis sate yang tidak pernah mereka makan sebelum ini," katanya ketika ditemui di gerainya itu.

Norseha berkata variasi sate yang dijual ialah sate perut (ayam), sate tulang (ayam), sate kulit (ayam), sate daging wagyu, sate salmon, sate itik, sate tongkeng ayam, sate paru (lembu), sate puyuh, sate keli, sate telur sotong, sate tembusu (perut lembu), sate batang pinang, sate usus (ayam), sate kerang, sate hati ayam dan sate 'lokcing'.

Ibu kepada dua cahaya mata yang memiliki Sijil Pembangunan Landskap daripada Akademi Binaan

Malaysia, berkata sate yang paling mendapat sambutan ialah sate tulang ayam yang kebanyakan pelanggan menikmati makanan itu bersama nasi, dijual RM1.80 secucuk.

"Saya akan pastikan stok sate yang didapati daripada pembekal sentiasa segar supaya rasa hidangan itu kekal enak, saya tidak menyimpan stok terlalu lama, biasanya semua sate dapat dijual dalam masa yang singkat," katanya serta menambah sate rusa, sate kulit ayam, sate arnab dan sate itik turut mendapat tempat di hati pelanggan.

Beroperasi dari pukul 4 petang hingga 12 tengah malam, Norseha yang berniaga bersama suami dan dibantu seorang pekerja berhasrat mengusahakan sate dalam bentuk perniagaan makanan segera yang boleh dimakan dengan lebih mudah seperti dibungkus di dalam cawan.

Selain itu, Norseha yang turut menerima tempahan sebarang majlis, berkata dia juga sedang merancang untuk membuka perniagaan nasi penyet dengan pelbagai jenis lauk seperti rusa, arnab atau landak penyet.

Enggan berada pada tahap sedia ada, Norseha tidak ketinggalan menambah ilmu perniagaan dengan mengikuti program keusahawanan oleh Kerajaan Negeri Perak iaitu Program Mahir Usahawan: Business Fundamental Mastery Siri 4 yang dilaksanakan di RTC Gopeng, Ogos tahun lepas.

— BERNAMA

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm x 32 cm

SEPARUH MUKA
26 cm x 16 cm

SUKU MUKA
13 cm x 16 cm

PANEL BAWAH
26 cm x 6 cm

PENGIKLANAN DIGITAL

Home page
Under headline
Size: W: 7 x
H: 90-200 pixel

Page: Berita
Antara 2
perenggan berita
size: W: 250 x
H: 250 pixel

Page: Berita
Iklan 1
Size: W: 250 x
H: 250 pixel

Page: Berita
Iklan 2
Size: W: 360 x
H: 250 pixel

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT

Untuk khidmatan rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,
62100 Putrajaya



YANG di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bersama Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah ketika menghadiri Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ke-15 pada 26 Februari.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa hadir ke majlis tuaian yang diadakan bersekali dengan lawatan turun padang (TUPA) ke Kebun Komuniti 3 (KK3), Presint 9, Putrajaya.



PERDANA Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengiringi Perdana Menteri Kemboja Hun Manet ketika dalam lawatan rasminya ke Malaysia pada Selasa.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil pada program Mobile World Congress 2024 (MWC24) yang diadakan di Barcelona, Sepanyol pada 26 Februari.



MENTERI Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick ketika menyalurkan sumbangan kepada 3,000 orang murid dalam Program 'Back To School' Peringkat Parlimen Bandar Tun Razak pada Ahad lalu.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly ketika mengadakan lawatan ke Hospital Tanjong Karang yang beroperasi sepenuhnya pada 24 Februari lalu.



MENTERI Sains, Teknologi Dan Inovasi, Chang Lih Kang ketika mengadakan lawatan kerja ke Tapak Projek Penyelidikan Padi NMR 152 Kampung Sungai Leman, Sekinchan Selangor pada Ahad.

Taklimat Pendaftaran Skim Mikro Kredit YWP

Jawab kekeliruan usahawan terlibat

HAZIRAH HALIM

SERAMAI 50 orang usahawan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyertai Sesi Taklimat dan Pendaftaran Skim Mikro Kredit anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Syarikat Volten International Sdn Bhd.

Eksekutif Seksyen Usahawan Mikro Kredit YWP, **Wan Noor Hasni Chek Hasni** berkata sesi taklimat itu diadakan untuk memberi penerangan lanjut berhubung sistem pinjaman Skim Mikro Kredit yang disediakan YWP.

“Perkongsian taklimat lebih menekankan soal bayaran di mana YWP memberi penerangan secara terperinci kepada mereka tentang aspek kaedah bayaran, berapa peratus yang perlu dibayar dan sebagainya.

“Kebiasaannya, apabila YWP sudah beri pinjaman, mereka perlu mengetahui bagaimana kaedah pembayaran balik pada setiap bulan selain diberi pendedahan tentang manfaat yang boleh diperoleh melalui skim tersebut,” katanya.

Menurut Hasni, kebiasaannya semasa sesi taklimat, pihak YWP



HASNI (tengah) menyampaikan taklimat kepada usahawan di bawah Skim Mikro Kredit YWP baru-baru ini.

akan diajukan soalan sama ada peminjam akan dikenakan modal suntikan pinjaman tambahan atau tidak.

“Soalan mereka biasanya berkisar jika sudah selesai pembayaran, adakah terdapat tambahan modal suntikan pinjaman misalnya dari RM5,000

ke RM10,000.

“Selain itu, selepas sesi taklimat, YWP akan meminta mereka menandatangani perjanjian sedia ada dan diikuti dengan proses bayaran balik.

“Kebiasaannya, minggu kedua pada setiap bulan, pihak YWP akan menghubungi para usahawan

untuk mengetahui status dan perkembangan perniagaan mereka, jika ada apa-apa permasalahan mereka boleh ajukan terus pertanyaan,” jelasnya setakat Februari 2024, YWP merekodkan sebanyak 200 usahawan berdaftar di bawah Skim Mikro Kredit.

Dalam pada itu, Hasni berharap

INFO

Hubungi

Tel : 03 2698 3073

Layari laman

<https://www.yayasanwp.org>

IMBAS SAYA



agar sesi taklimat itu akan memberi manfaat dan pendedahan lebih lanjut kepada para usahawan terlibat serta berharap orang ramai mengetahui tentang skim ini.

Terdahulu, Skim Mikro Kredit merupakan skim pinjaman atau pemberian modal perniagaan daripada YWP khusus kepada peniaga dan penaja berlesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kadar pinjaman yang diberikan adalah sehingga RM5,000 dan tidak dikenakan sebarang faedah. 

Projek Dataran Kampung Bharu bermula Mac

DIANA AMIR

PROJEK Dataran Kampung Bharu bakal dilaksanakan pada awal Mac 2024. Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif pihak kerajaan dalam menjayakan semula Pembangunan Semula Kampung Bharu.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, inisiatif tersebut dilaksanankan melalui penambahan fasiliti awam dalam memperkukuh infrastruktur komuniti di Kampung Bharu.

“Antaranya menaik taraf padang bola sepak kepada kondisi lebih baik, penyediaan tempat letak kenderaan, taman rekreasi serta gerai-gerai untuk kemudahan serta keselesaan orang ramai yang jelas mencerminkan usaha holistik pihak kerajaan,” ujar beliau ketika merasmikan Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampung Bharu yang diadakan di Medan Pintasan Saloma baru-baru ini.

Mengimbu kembali pada tahun 2016, Zaliha berkata penglibatan lebih 60 buah gerai dan *food truck* yang menyediakan juadah makanan Melayu menyaksikan Festival Makanan Melayu Kampung Bharu julung kali dianjurkan.

“Malah, sebuah aplikasi mudah alih dikenali sebagai *Mobile Apps Kampung Bharu Food Haven* juga pernah dilancarkan bagi



ZALIHA (tengah) melawat reruai makanan yang terdapat di Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampung Bharu.

memudahkan pencarian gerai pelbagai jenis hidangan di Kampung Bharu.

“Pada tahun ini, Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampung Bharu kembali dengan pelbagai aktiviti menarik seperti jualan makanan, kraf, persembahan kebudayaan serta pertandingan memasak antara kampung.

“Festival ini bukan sahaja membawa kegembiraan dalam kalangan pengunjung, malah memberi impak yang positif

terhadap ekonomi tempatan. Ini lah yang saya katakan sebagai melestarikan pelancongan di Wilayah Persekutuan, yang merupakan satu daripada enam fokus utama Sejahtera @ WP, iaitu dengan meningkatkan tahap *tourist experience journey* yang akan memberikan pengalaman kepada pengunjung untuk kembali semula ke Kampung Bharu sebagai *return tourist*,” ujarnya.

Tambahnya mini festival tersebut juga menjadi wadah untuk

menggalakkan kesedaran terhadap kekayaan warisan budaya yang menjadi kebanggaan serta memikat minat generasi muda untuk meneruskan warisan.

Zaliha berkata inisiatif ini dijalankan dengan hasrat untuk lebih mempromosikan Kampung Bharu sebagai destinasi gastronomi utama.

“Tapak Festival ini akan dikekalkan sebagai lokasi tetap untuk penganjuran program, festival dan acara secara berkala yang akan

dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta badan bukan kerajaan (NGO).

“Festival tersebut turut membawa makna yang lebih mendalam, bertujuan untuk memperkuat komuniti tempatan, mewarisi nilai tradisi dari nenek moyang dan mengukuhkan ikatan ukhuwah di antara warga tempatan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Zaliha turut mengingatkan penduduk dan peniaga di Kampung Bharu untuk menjaga persekitaran dengan lebih teratur.

“Kita perlu memastikan premis kita kekal bersih bagi mencegah wujudnya haiwan perosak, tandas-tandas sentiasa dalam keadaan bersih dan meningkatkan cara penyajian makanan serta hiasan agar lebih menarik. Kebersihan tempat perniagaan kita akan menarik lebih ramai pengunjung.

“Saya percaya dengan kerjasama erat dari agensi-agensi berkaitan pelancongan, Kampung Bharu berpotensi menjadi destinasi tetap atau koridor pelancongan Kuala Lumpur yang utama.

“Sehubungan itu, tidak mustahil sekiranya satu hari nanti, kunjungan ke Kampung Bharu merupakan kemestian kepada pelancong-pelancong khususnya bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026 nanti,” ujarnya. 

Majlis Aspirasi 2024: Bersama Memacu Wilayah Persekutuan Sejahtera

Struktur semula ekonomi di WP

HAZIRAH HALIM
Foto: SHUAIB AYOB

WILAYAH Persekutuan (WP) menjangkau usia lima dekad sejak pembentukannya pada tanggal 1 Februari 1974 dengan merangkumi tiga buah Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Ketiga-tiga wilayah ini dikawal selia di bawah pentadbiran Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan. Selain itu, ia turut dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) yang menjadi pintu gerbang utama kepada negara.

Dalam melebarkan informasi dan pencerahan mengenai hala tuju Wilayah Persekutuan, JWP mengadakan Majlis Aspirasi 2024: Bersama Memacu Wilayah Persekutuan Sejahtera bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa di Auditorium Tun Azizah Zainul Abidin, Putrajaya pada Khamis.

Aspirasi yang disampaikan oleh beliau akan menjadi panduan kepada pelaksanaan-pelaksanaan strategi-strategi JWP, agensi serta memegang taruh yang berkaitan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kerajaan kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan.

NARATIF EKONOMI MADANI

DALAM merealisasikan aspirasi tersebut, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) memberi tumpuan kepada menaikkan siling dengan mereformasi dan menstruktur semula ekonomi sekali gus menempatkan Malaysia menjadi peneraju ekonomi Asia.

Zaliha berkata JWP turut memberi fokus terhadap

meningkatkan lantai dengan menambah baik kualiti hidup rakyat serta memperjuangkan keadilan sosial dengan mewujudkan pekerjaan yang meningkatkan taraf sosioekonomi serta kesaksamaan kepada semua lapisan masyarakat.

“Secara asasnya tumpuan wilayah untuk melonjakkan ekonomi, reformasi dan struktur semula ekonomi serta menempatkan semula sebagai hab serantau sekali gus menyokong kepada kemampunan model ekonomi negara.

“Misi utama saya untuk menjadikan ketiga-tiga wilayah sebagai *CHASE*, *CLEAN CITY* (bandar bersih), *HEALTHY CITY* (bandar sihat), *ADVANCED CITY* (bandar maju), *SAFE CITY* (bandar selamat) dan *ECO FRIENDLY CITY* (bandar mesra alam),” ujar beliau ketika berucap di Majlis Aspirasi 2024: Bersama Memacu Wilayah Persekutuan Sejahtera di Putrajaya pada Khamis.

Sehubungan itu, beliau turut mengumumkan enam fokus utama dalam Kluster Sejahtera@WP iaitu fokus pertama, Penstruktur semula ekonomi Wilayah

Persekutuan; Mewujudkan bandar pintar berdaya huni (fokus kedua); Menyeimbangkan sosioekonomi warga Wilayah Persekutuan (fokus ketiga) serta Memelihara dan memulihara alam sekitar (fokus keempat).

“Fokus kelima pula adalah Membedayakan Digitalisasi serta Melestarikan Pelancongan di Wilayah Persekutuan bagi fokus keenam,” katanya.

Dalam usaha untuk memperkasa pembangunan secara lebih pesat dan holistik, Zaliha turut memperkenalkan Kluster PUJI@WP dengan memberi tumpuan terhadap usaha-usaha untuk membasmu kemiskinan tegar dan memperkasa warganya melalui program-program seperti penajaan pendapatan, pembangunan usahawan, perlindungan sosial, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur asas.

“PUJI atau Program Usaha Jaya Insan merupakan jenama atau *signature* program yang akan menjadi payung kepada pelaksanaan inisiatif peningkatan darjat hidup rakyat ini.

“Terdapat enam komponen utama iaitu Upaya@Puji di mana inisiatif ini akan memayungi

program-program pendayaupayaan ketua isi rumah yang produktif dalam meningkatkan lantai pendapatan.

“Kedua adalah Ihsan@PUJI di mana inisiatif ini akan mengumpulkan segala jenis bantuan yang diperuntukkan oleh kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) mahupun swasta untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah serta mengurangkan kos sara hidup.

“Selain itu, komponen Lindung@PUJI pula memberi fokus kepada aspek perlindungan terhadap kumpulan berisiko tinggi melalui penyediaan skim caruman dan insuran sosial serta peluang bagi pemilikan rumah mampu milik Residensi Wilayah atau Residensi Madani,” ujarnya.

Tambah Zaliha, inisiatif keempat pula adalah Ilmu@PUJI yang menyediakan peluang kepada anak-anak golongan berpendapatan rendah (B40) di Wilayah Persekutuan untuk mendapatkan akses pendidikan tambahan yang percuma sekali gus meringankan beban kos sara hidup ibu bapa.

“Inisiatif Kelima adalah Sihat@PUJI iaitu peluang untuk

mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan kesedaran tentang gaya hidup sihat melalui pelaksanaan inisiatif ini di samping Infra@PUJI yang juga memberi peluang untuk akses kepada kemudahan infrastruktur asas bagi menjamin kesejahteraan hidup khususnya bagi penduduk di Labuan.

“Secara amnya, PUJI ini merupakan satu usaha untuk kita rangkum dan selaraskan segala bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan kepada warga Wilayah Persekutuan, khususnya kepada mereka yang berada dalam kategori pendapatan B40,” jelas beliau kemudahan ini adalah untuk menyelaraskan isu kemiskinan di Wilayah Persekutuan.

Dalam pada itu, Zaliha turut menetapkan sasaran bahawa isu miskin tegar dan miskin bandar dapat ditangani menerusi program seperti PUJI@WP pada penghujung tahun ini.

Beliau juga yakin dengan usaha-usaha, dasar serta penyelesaian yang dirancang dapat dilaksanakan dengan tepat dan berkesan sekiranya ia disokong oleh data yang berintegriti.

“Bagi merealisasikan hasrat ini, saya mahu kesemua data, termasuk dasar yang ada di Wilayah Persekutuan ini, baik di Jabatan Wilayah Persekutuan mahupun agensi-agensinya, perlu dipusatkan di satu *data centre*.

“Saya berikan tempoh sehingga penghujung suku kedua tahun ini untuk pihak JWP menyelaraskan pemusatan kesemua data-data ini dan saya sendiri akan memantau perkembangan ini dari semasa ke semasa,” katanya.

Selari dengan usaha membangunkan Malaysia Madani, JWP akan terus komited bagi menyediakan persekitaran kondusif dan berdaya huni untuk melahirkan warga Wilayah Persekutuan yang terus maju bagi menyokong pendekatan *Whole of Nation*. 



ZALIHA (tengah) ketika melancarkan PUJI di Auditorium Tun Azizah Zainul Abidin, Putrajaya baru-baru ini.



ZALIHA (empat dari kanan) bersama dengan ketua-ketua agensi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan.



ZALIHA mendengar taklimat daripada salah seorang wakil agensi ketika lawatan ke ruai.

Naik taraf prasarana

KKM lulus peruntukan lebih RM5 juta

KHAIRUL IDIN

KEMENTERIAN Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan peruntukan lebih RM5 juta untuk menaiktaraf prasarana dan kemudahan kesihatan di Labuan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Timbalan Menteri, **Datuk Lukanisman Awang Sauni** berkata sebanyak 39 buah projek yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah projek Dewan Serbaguna Jabatan Kesihatan Labuan.

Katanya, sebanyak 12 buah projek termasuklah masing-masing enam projek pembangunan dan enam projek kejuruteraan bakal dibangunkan dengan nilai RM4 juta.

“Kita sedang merancang dan kini terdapat juga projek sedang sakit dan didapati ia mengalami sedikit masalah. Perkara ini kita telah rujuk kepada pihak Jabatan Kerja Raya untuk



LUKANISMAN (tengah) mendengar taklimat daripada pegawai jabatan kesihatan.

tindakan penilaian bagi pelantikan kontraktor penyelamat.

“Masa ini kita sedang menunggu daripada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi menyemak semula syiling untuk projek pembinaan kuarters Jabatan Kesihatan Labuan dan ia amat

penting bagi memastikan warga KKM mempunyai tempat tinggal yang berdekatan dengan fasiliti,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Dewan Serbaguna Jabatan Kesihatan Labuan, baru-baru ini.

Beliau yang dalam rangka

lawatan kerja ke Labuan menyatakan bahawa pembinaan kuarters Jabatan Kesihatan Labuan bernilai RM24 juta dimulakan sejak tahun 2019 namun ia tergendala susulan pandemik COVID-19 selain turut berhadapan dengan isu kontraktor bermasalah yang gagal menyiapkan projek berkenaan mengikut jadual.

Menurut Lukanisman, pihaknya sedang berusaha untuk menambah bilangan pakar perubatan di Hospital Neklues Labuan bagi memenuhi permintaan ekoran jumlah pesakit kronik yang semakin meningkat.

Jelasnya, usaha tersebut merupakan sebahagian daripada tindakan KKM untuk meningkatkan keupayaan hospital berkenaan di samping membantu menyediakan perkhidmatan terbaik kepada warga sekitar.

“Sehingga kini Hospital Nukleus Labuan mempunyai pegawai dan kakitangan perubatan sokongan yang mencukupi, namun kita

sedia maklum terdapat pesakit yang menghidap penyakit tertentu dan perlu segera dipindahkan ke hospital di tanah besar Sabah (Kota Kinabalu),” katanya.

Ujar Lukanisman, kementerianya turut menyedari cabaran yang dihadapi penduduk Labuan ketika melakukan perjalanan ke tanah besar Sabah untuk mendapatkan rawatan perubatan berikutan faktor lokasi yang jauh serta kemudahan pengangkutan yang terhad.

“Memang tidak dapat dinafikan penduduk Labuan yang ingin mendapatkan rawatan ke Tanah Besar Sabah menghadapi masalah yang agak kritikal kerana kos pengangkutan seperti tiket kapal terbang yang mahal dan kesukaran bermusim dalam mendapatkan tiket feri.

“Kita juga akan melihat dasar KKM mengenai cara untuk menangani isu yang membelenggu pesakit di Labuan untuk memperolehi rawatan perubatan yang terbaik,” katanya. 📌



PARANG ABAI (tengah) bersama wakil kelab sukan yang menerima Bantuan MADANI.

25 badan sukan terima bantuan

KIRA-KIRA 25 badan sukan di Labuan menerima Bantuan MADANI yang bertujuan untuk membangun dan menaik taraf sukan di wilayah berkenaan.

Menurut **Ryeen Shah Sophian** yang mewakili Persatuan Bola Sepak Labuan (LAFA), beliau menzahirkan kesyukuran di atas pemberian bantuan yang disalurkan setiap tahun bagi menampung perbelanjaan pengurusan persatuan.

Katanya, meskipun nilai bantuan itu tidak begitu besar namun ianya amat membantu meneruskan pengurusan dan penglibatan persatuan dalam pertandingan yang dianjurkan kelak.

“Saya mewakili LAFA mengucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) kerana sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan

dan kemajuan persatuan sukan khususnya di Labuan.

“Dengan bantuan yang diberikan ini, kami akan memanfaatkannya dengan menganjurkan sebarang pertandingan dalam tempoh masa terdekat,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Bagi Bendahari Persatuan Badminton Labuan, **Alizana Eng** berkata pihaknya menyambut baik bantuan yang disalurkan pada setiap tahun itu sekali gus memperlihatkan JWP prihatin dengan persatuan sukan di wilayah ini.

Jelasnya, dengan bantuan itu pihaknya dapat menganjurkan pertandingan dan menghantar pasukan mewakili persatuan untuk menyertai pertandingan dan kejohanan di luar Labuan.

“Setiap tahun kami menggunakan bantuan ini

untuk menampung perbelanjaan pasukan bagi mengikuti pelbagai pertandingan di luar dan pada tahun ini kami juga akan menganjurkan kejohanan badminton secara terbuka.

“Kami ucapkan terima kasih kepada kerajaan atas bantuan ini dan kami juga berharap bantuan ini dengan peruntukan yang lebih daripada sebelum ini pada masa akan datang demi kemajuan sukan di Wilayah Persekutuan khususnya di Labuan,” katanya.

Terdahulu majlis penyampaian bantuan itu disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Ekonomi) JWP, **Datuk Parang Abai @ Thomas** baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** dan Pengarah Eksekutif MSWP, **Nik Ahmad Zahiruddin Nik Salleh**. 📌

Penetapan tambang tidak pinggirkan Labuan

PENETAPAN kadar baharu tambang penerbangan dari Semenanjung tidak meminggirkan Labuan sekali gus membuktikan bahawa kerajaan mendengar pandangan yang diberikan.

Pengerusi Dewan Perniagaan Cina Labuan, **Datuk Wong Kii Yii**, berkata pihaknya telah menyuarakan perkara tersebut kepada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** agar perkara itu dibawa kepada Menteri Pengangkutan.

“Dan apabila Labuan turut disenaraikan antara lokasi yang mendapat pengurangan tambang, ini membuktikan bahawa Menteri Pengangkutan, **Anthony Loke** mendengar suara kami dan sekali gus ramai menerima manfaat penetapan harga penerbangan maksimum itu selain Sabah dan Sarawak,” katanya ketika dihubungi.

Selain daripada pemimpin perniagaan, inisiatif itu turut memberi manfaat kepada pelajar

Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang turut mempunyai pelajar yang datang dari luar Labuan.

Pelajar jurusan perakaunan Kolej Matrikulasi Labuan, **Dayang Nurfarisha Nabihan Abang Sarkawi**, 19, menyifatkan

pengumuman itu sebagai satu usaha murni Kerajaan MADANI bagi membantu golongan pelajar.

“Sebagai pelajar yang menetap di Semenanjung, saya amat bersyukur dengan inisiatif tersebut kerana ia dapat meringankan beban kedua ibu bapa saya yang membiayai tiket penerbangan menjelang perayaan nanti.

“Saya juga berharap agar kerajaan akan memberikan inisiatif kemudahan potongan harga penerbangan kepada golongan pelajar kerana ketika ini kami amat terkesan

dengan harga penerbangan yang sentiasa berubah-ubah selain berharap inisiatif ini diteruskan pada masa akan datang dan tidak hanya dilaksanakan pada musim perayaan sahaja,” katanya. 📌



WONG KII



NURFARISHA

DIANA AMIR
PPj tubuh pasukan task force

Pemantauan ketat bazar Ramadan

PERBADANAN Putrajaya (PPj) akan menggerakkan pasukan petugas (*task force*) bagi memantau tapak bazar Ramadan di sekitar pusat pentadbiran kerajaan itu pada bulan Ramadan akan datang.

Menurut Presidennya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pemantauan tersebut dilakukan bagi mengelakkan berulangnya peristiwa yang tidak diingini khususnya soal kebersihan serta keselamatan makanan sepanjang penjualan bazar.

“Dalam masa terdekat kita akan adakan satu sesi taklimat kepada 700 peniaga bazar Ramadan tahun ini berkenaan penyediaan makanan supaya lebih bersih dan selamat kepada pembeli.

“Kadang-kadang peniaga sediakan (makanan) petang dan mungkin masa dihidang di luar kawalan. Untuk memastikan (kebersihan) kita sentiasa buat pemantauan dan sekiranya berlaku, pihak kami akan beri ingatan atau hentikan mereka daripada berniaga serta-merta.

“Kita akan pastikan dari segi kualiti penyediaan makanan itu baik,” katanya kepada media selepas merasmikan festival pencahayaan edisi khas, Festival Lentera: Sisiran Tasik Putrajaya 2024, pada Sabtu.

Tambahnya, pada tahun



KUALITI dan kebersihan penyediaan makanan amat dititikberatkan sepanjang penjualan di Bazar Ramadan Putrajaya.

ini pihaknya juga akan memastikan agar kesemua peniaga bazar Ramadan tidak lagi menggunakan plastik untuk membungkus makanan dan akan memperkenalkan penggunaan bahan biodegradasi atau boleh urai, selain menggalakkan pembeli membawa bekas masing-masing.

Mengulas berkenaan risiko jual beli lesen dalam kalangan peniaga, Fadlun berkata pihaknya

akan menarik terus lesen tersebut sekiranya peniaga didapati berbuat demikian.

“Pada tahun ini kita akan perkenalkan penggunaan pas beserta gambar peniaga jadi kita dapat kesan awal sekiranya terdapat jual beli lesen secara tidak sah. Tambahan pula kita tak beri lesen ini kepada mana-mana persatuan dan hanya terus kepada peniaga,” ujarnya sekiranya

penjualan lesen diberi kepada persatuan menyukarkan pihaknya untuk mengenal pasti seandainya terdapat sebarang permasalahan.

Fadlun berkata tumpuan bazar pada tahun ini adalah di lokasi yang sama iaitu di Presint 3 dengan menempatkan lebih 280 peniaga Putrajaya mahupun luar.

“Kali ini di Presint 11 kita beri amanah kepada pihak Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) untuk

menguruskannya di mana peluang akan diberi terlebih dahulu kepada penduduk setempat yang ingin berniaga,” katanya lokasi bazar Ramadan pada tahun ini adalah di Presint 3, 9, 11 dan 14.

Sementara itu, menjawab berkenaan peniaga *rambo* yang terdapat di Putrajaya, Fadlun berkata pihaknya sedang membuat banciaan bagi mendapatkan jumlah peniaga yang beroperasi dengan kereta tanpa kebenaran di kawasan sekitar khususnya di Dataran Putra.

“Perancangan kita adalah untuk mengumpulkan golongan itu dan memberikan taklimat keselamatan makanan serta meminta mereka mengambil suntikan tifoid agar makanan dan minuman dijual selamat untuk pembeli.

“Kalau semuanya lancar kita akan sediakan tempat khas untuk mereka berniaga dan diberi lesen selepas melalui semua proses.

“Setakat ini tiada aduan (isu kebersihan) yang diterima tetapi kalau boleh kita mahu semua peniaga di sini mengikut peraturan dan mengambil suntikan,” jelasnya setakat ini kira-kira 10 peniaga telah dikenal pasti. 

Elemen kebudayaan warnai Lentera Putrajaya 2024

BERSEMPENA cuti sekolah ini, orang ramai dipelawa untuk memeriahkan Festival Lentera: Sisiran Tasik Putrajaya 2024 yang diadakan bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya bermula 24 Februari lalu sehingga 3 Mac.

Berkonsepkan Tradisi dan Cahaya, keunikan dan identiti festival ini adalah pertunjukan pencahayaan *Grand Light Symphony* dan *Musical Fountain* di Tasik Putrajaya.

Festival ini turut dimeriahkan dengan elemen pertunjukan kebudayaan tradisional Melayu, Cina, India dan Borneo yang dibawakan oleh pasukan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta komuniti Putrajaya, selain dekorasi pencahayaan di atas air seperti pertunjukan bot-bot berhias bercahaya.

Ia juga diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2024 serta Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan Putrajaya yang ke-28 iaitu pada tanggal 1 Mac. Justeru itu, pelbagai aktiviti menarik bakal diadakan pada hari ini.

Selain kunjungan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, satu persembahan istimewa dan bunga api akan dibawakan khas buat pengunjung Festival Lentera



LENTERA Putrajaya 2024 berkonsepkan Tradisi dan Cahaya.

Putrajaya 2024. Jom ramai-ramai meriahkan Festival Lentera: Sisiran Tasik Putrajaya 2024!

Tiket masuk boleh diperolehi secara dalam talian dan di pintu masuk dengan harga RM10 (dewasa) dan RM5 (kanak-kanak 7 hingga 12 tahun dan warga emas) bagi warganegara (Mykad),

manakala bagi bukan warganegara (pasport) harga tiket adalah RM30 (dewasa) dan RM15 (kanak-kanak 4 hingga 12 tahun). Tiada caj masuk dikenakan bagi pemegang kad OKU, kanak-kanak di bawah 6 tahun ke bawah (warganegara) dan 3 tahun ke bawah (bukan warganegara). 




PERMOHONAN KAD
Nadi30 & Nadi10

Nadiputra
PUTRAJAYA



603-8887 3000 www.ppj.gov.my [putrajayacorp](#)

[f](#) [i](#) [v](#) [t](#) [perbadananputrajaya](#)

Galas cabaran ke Olimpik Paris 2024

Ariana bakal berkampung di Korea Selatan

SABRINA SABRE

ATLET memanah *recurve* negara, **Ariana Nur Dania Mohamad Zairi**, 19, bakal 'berkampung' di Korea Selatan bagi melakukan persediaan terbaik sebelum menggalas cabaran negara pada Sukan Olimpik Paris 2024 pada 26 Julai hingga 11 Ogos ini.

Dia yang akan membuat penampilan sulung dalam temasya berprestij itu berkata pendedahan berlatih di luar negara amat penting memandangkan sebelum ini hanya pernah beraksi sebanyak dua kali di luar negara iaitu di Thailand dan Ireland.

Walaupun mengakui agak gementar untuk berlatih di Korea Selatan, namun ia merupakan pengorbanan yang perlu dilakukan sebagai seorang atlet sekiranya mahu menghadihkan pingat hasil buat negara Malaysia di persada antarabangsa.

"Kami telah berbincang bersama Ketua Kontinjen (CDM) Malaysia ke Sukan Olimpik Paris 2024 iaitu Datuk Hamidin Mohd Amin mengenai latihan di Korea Selatan sebelum ke Paris kerana bagi saya sukan memanah nombor



ARIANA (tengah) memenangi pingat emas di Kejohanan Kelayakan Benua Asia di Bangkok, Thailand baru-baru ini.

satu adalah di Korea Selatan.

"Selain itu, pendedahan di luar negara sangat penting untuk saya. Respons beliau juga sangat positif, namun kami masih menunggu keputusan.

"Ritma atlet Korea Selatan juga sangat baik semasa membuat panahan dan cara mereka mengawal emosi sangat tenang. Sesetengah pemanah mungkin

agak gelabah, namun cara atlet Korea Selatan sangat baik," ujar anak jati Kuala Lumpur itu.

Dalam masa sama, pertemuan tersebut turut membincangkan keperluan pelajar Kejuruteraan Mekanikal di German-Malaysian Institute (GMI), Selangor itu untuk membawa peralatan memanah tambahan ke Paris sebagai persediaan menghadapi

insiden di luar jangka.

Di samping itu, Ariana juga akan menyertai tiga kejohanan antarabangsa iaitu Piala Dunia Shanghai, China (April); Piala Dunia Yecheon, Korea Selatan (Mei) dan Piala Dunia Antalya, Turki (Jun), selain kejohanan kebangsaan di Shah Alam, Selangor bermula 28 Februari sebagai persediaan ke temasya

Pencapaian Ariana Nur Dania

2024 - Kejohanan Kelayakan Sukan Olimpik Paris 2024 Benua Asia - Emas

2024 - Pusingan kelayakan Kejohanan Memanah Remaja Dunia

empat tahun sekali itu.

"Sejak layak hari itu, jurulatih memberitahu, saya akan menyertai tiga kejohanan antarabangsa dan satu kejohanan kebangsaan. Patutnya ada kejohanan di Iraq bulan ini namun ada masalah visa.

"Saya agak kecewa sedikit tetapi jurulatih juga sudah sahkan kejohanan lain. Setakat ini saya hanya fokus latihan dan apa yang perlu dibaiki," ujarnya yang mula berjinak dengan sukan memanah sejak berusia 10 tahun.

Terdahulu, Ariana Nur Dania mengesahkan tiket Olimpik menerusi Kejohanan Benua Asia di Bangkok, Thailand 2023.

Tuah tahun naga Liek Hou

JAGUH badminton para negara, **Cheah Liek Hou**, sekali lagi mencatat kejayaan membanggakan apabila berjaya merangkul gelaran dunia kali kelapan di Kejohanan Badminton Para Dunia 2024 di Pattaya, Thailand baru-baru ini.

Liek Hou yang beraksi dalam kategori perseorangan lelaki SU5 (kecacatan fizikal) menumpaskan musuh tradisinya dari Indonesia, Dheva Anrimusthi, 21-15, 16-21, 21-15 dalam perlawanan

selama 62 minit pada aksi yang berlangsung di Dewan Pameran dan Konvensyen Pattaya.

Juara Sukan Paralimpik 2020 itu sebelum ini muncul juara pada edisi 2005, 2007, 2011, 2013, 2015, 2017 dan 2022.

Lebih membanggakan, pemain berusia 35 tahun itu turut melakar kejayaan berganda apabila memenangi emas beregu lelaki SU5 bersama pasangannya

Muhammad Fareez Anuar dengan menumbangkan wakil India, Chirag Baretha-Raj Kumar, 21-17, 21-18.

Kejayaan itu adalah gelaran dunia keenam Liek Hou dalam acara beregu selepas edisi 2005, 2007, 2011, 2013 dan 2015.

Liek Hou berharap kejayaan di Thailand mampu memberi motivasi buat dirinya untuk beraksi cemerlang dalam kejohanan mendatang terutamanya Sukan Paralimpik 2024 di Paris yang dijadual berlangsung pada 28 Ogos hingga 8 September ini.

"Kejohanan pertama untuk Tahun Naga ini dan saya dilahirkan pada Tahun Naga. Terima kasih kepada penaja yang sudi memberi sokongan sepanjang karier saya.

"Tidak lupa juga kepada rakyat Malaysia yang sering menyokong, terima kasih banyak kerana telah menyokong saya dan pasukan para badminton negara selama ini," katanya menerusi laman *Instagram*.

Dalam pada itu, beregu lelaki negara, Noor Azlan Noorlan-Muhammad Ikhwani Ramli terpaksa berpuas hati dengan pingat perak bagi acara WH1-WH2 (kerusi roda) apabila tersungkur di tangan Mai Jian Peng-Qu Zi Mo dari China, 10-21, 13-21.



HUP WEI kini giat mencari atlet pelapis berkaliber.

Malaysia akan kembali dominasi lompat tinggi di Sukan SEA

JURULATIH pelapis lompat tinggi negara, **Lee Hup Wei** memerlukan masa lima tahun bagi meletakkan Malaysia kembali sebagai kuasa besar acara lompat tinggi lelaki di pentas Sukan SEA.

Bekas atlet kebangsaan itu berkata beliau ketika ini giat mencungkil bakat baharu termasuk bekerjasama dengan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dalam usaha menaikkan semula reputasi Malaysia dalam lompat tinggi pada temasya tersebut.

"Kita perlu ambil masa, susah mahu jangka namun diharapkan dapat lakukan dalam masa lima tahun. Saya juga akan cuba yang

terbaik (melahirkan atlet berkualiti) memandangkan Malaysia akan jadi tuan rumah pada Sukan SEA 2027 nanti.

"Selain melatih kira-kira 10 atlet dari SSBJ, saya juga akan melakukan pencarian bakat pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Sarawak, Ogos ini serta Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)," ujar beliau.

Dalam masa sama, juara Sukan SEA edisi Korat 2007, Vientiane 2009, Jakarta-Palembang 2011 dan Manila 2019 itu turut berharap dapat melahirkan atlet berwibawa untuk diserapkan ke dalam skuad Sukan SEA 2025 di Thailand.



LIEK HOU merangkul gelaran dunia kali kelapan dalam Kejohanan Badminton Para Dunia 2024.



AFDLIN (tengah) bersama Sophia Albarakbah dan Meerqeen yang mengungguli kategori utama Anugerah Telenovela Ke-9.

Hormati budaya Malaysia

DEEL ANJER

MUNGKIN didorong desakan untuk mengejar rating atau viral, akhir-akhir ini terdapat segelintir penerbit drama atau filem berani menyelitkan babak 'soft porn' atau adegan intim yang tidak keterlaluan.

Situasi ini seolah-olah mereka tidak peka dengan sensitiviti masyarakat apatah lagi jika ia ditonton oleh kanak-kanak.

Pengerusi Persatuan Filem Pengarah Malaysia (FDAM), **Datuk Afdlin Shauki** menyarankan agar pembikin filem atau drama menghormati budaya masyarakat Malaysia dalam apa jua naskhah yang diterbitkan.

"Dalam membuat filem atau drama, sudah tentu ada garis panduan dan ada perkara tertentu yang kita tak boleh buat, jadi kita guna kreativiti untuk menyampaikannya tanpa menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan.

"Kalau nak langgar juga, itu terpulanglah kepada mereka. Kekurangan mereka adalah tak

boleh buat cerita bagus tanpa ikut cara acuan barat.

"Pada saya, kita kena ikut cara dan budaya kita. Sebagai presiden FDAM, sesiapa yang nak jadi pengarah, saya galakkan mereka buatlah apa sahaja cerita yang mereka mahukan, tapi apabila kita buat filem di Malaysia, kita ikut cara Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, pengarah filem Harimau Malaya ini berharap pihak yang terlibat lebih peka dan menjaga nama baik industri.

"Buatlah sesuatu yang masyarakat boleh terima. Ini kerana tak mahu orang memburuk-burukkan kita (industri) lagi. Sudahlah ada tuduhan kita ni lagha (leka dengan keduniaan). Kita boleh buat cerita-cerita yang tak sepatutnya kita tunjuk," jelasnya.

Namun dalam masa yang sama, Afdlin mengakui terdapat sesetengah masyarakat mendakwa babak 'soft porn' itu adalah perkara realiti yang berlaku dalam masyarakat kita.

"Jangan menormalisasikan perkara-perkara yang bertentangan dengan budaya kita. Itu bukan

bermaksud kita menolak realiti. Realiti itu boleh ditunjukkan dengan cara lain atau lebih elok. Katakanlah ada babak yang soft porn, tak perlu tunjuk pun apa yang berlaku tu. Buatlah sesuatu yang membayangkan perkara itu.

"Kalau zaman dulu-dulu, ada paparkan kumbang tengah hisap bunga ke, pandai-pandailah guna kreativiti asalkan tidak bertentangan dengan budaya kita. Berlapiklah. Tak perlulah semua nak tunjuk, gunalah kreativiti yang ada," tambahnya lagi.

Baru-baru ini, pelakon Shukri Yahaya dilapor memohon maaf atas kontroversi babak didakwa berunsur separuh lucah bersama gandingannya, Alya Iman, dalam drama berjudul Layang-Layang Perkahwinan.

Antara babak yang menjadi bualan ramai apabila memaparkan watak Azim Asibullah lakonan Shukri, sedang mandi didatangi Tsuraya Lin (Alya). Babak berani itu menjadi bahan kecaman dalam media sosial kerana didakwa cuba menormalisasikan kandungan separuh lucah. 

Karya perlu hebat

DIANA AMIR

MESKIPUN sudah memasuki tiga dekad penglibatan dalam bidang seni tanah air namun karya-karya Saari Amri masih malar segar dan menjadi siulan sehingga ke hari ini.

Ia dibuktikan menerusi Concert UK'Slam Musical yang menggabungkan dua nama besar yang popular sekitar era 90-an menerusi lagu-lagu ciptaan komposer hebat tersebut.

Kejayaan konsert yang menggamit nostalgia peminat tanah air itu bagaimanapun tidak membuatkan vokalis kumpulan U.K's, Amir atau nama sebenarnya **Mohd Azmir Muhammad Yusof**, 55, tergesa-gesa untuk melahirkan sebuah karya baru bersama kumpulan Slam.

"Kalau boleh memang kita nak dan mahukan lagu baru tetapi adakah lagu baru itu nanti mampu tandingi kehebatan lagu-lagu kami yang sedia ada?"

"Sebagai penghibur, kalau nak buat sesuatu karya itu, kita kena tengok terlebih dahulu apakah karya tersebut benar-benar bagus untuk dirakam atau sebaliknya kerana sekiranya rakaman tersebut hanya menjadi lagu biasa dan tidak dapat tandingi karya sedia ada, ia sangat merugikan. Biarlah kita ada dengan apa yang ada sahaja setakat ini.

"Lagipun peminat masih menyanjungi lagu-lagu sedia ada yang pernah popular dahulu, jadi tiada keperluan untuk karya baru kerana kita akan terus mengangkat karya-karya lama ini supaya ia tetap menjadi pilihan peminat muzik," ujarnya pemilihan karya yang tepat adalah penting dalam memastikan ia dapat memberi impak dalam industri hiburan kini.

Menghela nafas lega dengan kejayaan konsert yang berlangsung 3 Februari lalu, Amir begitu berpuas hati apabila perancangannya berhasil.

"Sebenarnya Slam tiada dalam perancangan konsert namun disebabkan kita mengadakan konsert itu di ruang yang besar jadi risiko yang besar juga menanti dan disebabkan itulah saya memilih Slam untuk bersama-sama tambahan pula kami di bawah sifu yang sama iaitu Saari Amri.

"Ia juga tidak janggal kerana melodi yang Saari Amri gunakan untuk Slam adalah melodi yang sama untuk UK'S juga. Tambahan pula, kita tak tahu bila lagi dua legenda ini dapat digabungkan jadi konsert baru-baru ini boleh dikatakan sebagai satu sejarah dalam industri seni," katanya.

Sementara itu, vokalis kumpulan Slam, Zamani berkata tidak sukar baginya untuk mewujudkan keserasian bersama Amir di atas satu pentas memandangkan mereka adalah sahabat baik.

"Sejujurnya saya dan Amir tidak pernah bersama di atas satu pentas tetapi mungkin sebab kami berkawan baik jadi untuk cari keserasian itu tidak susah.

"Disebabkan lagu-lagu UK'S tinggi-tinggi jadi ia memberi sedikit cabaran tetapi Alhamdulillah saya dapat sampaikan dengan baik. Ribuan terima kasih diucapkan kepada peminat, pemuzik dan semua yang terlibat. Mudah-mudahan akan ada lagi konsert seperti ini selepas ini, doakan," ujarnya. 



Elisya tak kisah dibanding dengan kakak

"KAKAK selalu pesan, biar orang buat kita. Jangan kita buat orang," ujar pelakon cantik Elisya Sandha yang juga adik kepada Fasha Sandha.

Elisya atau nama sebenarnya **Nur**

Elisya Sandha Hassan, 24, mengakui sentiasa mengingati pesanan Fasha tentang dunia lakonan yang tidak seindah apa yang dilihat. Ini kerana, artis perlu berhadapan dengan bermacam-macam karenah manusia.

Dalam masa yang sama, Elisya juga tidak menafikan bahawa dirinya masih dibanding-bandingkan dengan kakaknya Fasha meskipun sudah 10 tahun dalam industri.

"Sebenarnya dari dulu sampai sekarang, masih ada yang membanding-bandingkan saya dan kakak (Fasha). Biasalah orang bercakap itu hak mereka.

"Apa yang penting saya dan kakak saling menyokong antara satu sama lain. Saya pun banyak belajar dan masih perlu didikannya dalam bidang lakonan.

"Dia selalu beri nasihat, tunjuk ajar apa yang saya tidak tahu. Kami ada keunikan masing-masing lagi pun manusia berbeza, tidak perlu dibanding-bandingkan," ujarnya yang bersyukur dikurniakan seorang kakak yang sangat menyayangnya.

Selain itu, ramai peminat tumpang bahagia apabila Elisya dilihat begitu rapat dengan ibu mentuanya pelakon dan produser, Sheila Rusly. 





WILAYAHKU

● BIL 252 ● 1 - 7 MAC 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



Ariana bakal berkampung
di Korea Selatan

22



Suami isteri bertukar pasangan

Budaya *swinger* runtuh iman

SYED HAZIQUE

SEBAGAI seorang yang beragama Islam, kita hendaklah menjauhi perbuatan zina kerana kesan perbuatan ini adalah amat dahsyat yang akhirnya membawa kepada pelbagai cabang kehancuran antaranya merosakkan keturunan, mencemarkan nama baik keluarga, pembuangan anak selain penzina akan dipandang hina di sisi masyarakat.

Di akhir zaman ini, perbuatan zina semakin berleluasa serta pelakunya tidak lagi malu melakukan perkara terkutuk itu, malah dengan bangganya menghebahkan kelakuan mereka.

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: "Antara tanda hampirnya kiamat ialah ilmu agama diangkat, tersebarannya kebodohan agama, arak diminum bebas dan berleluasa." – Riwayat al-Bukhari.

Terbaharu, tular mengenai budaya suami isteri bertukar pasangan suka sama suka *swinger* demi melampiaskan nafsu seks mereka. Malahan berkata, orang ramai khususnya yang beragama Islam tidak seharusnya menghalalkan perbuatan berzina.



ABDUL RAHMAN

"Hukum bagi perbuatan zina ialah haram, maka sesiapa yang beragama Islam melakukannya adalah berdosa besar dan segeralah bertaubat serta minta pengampunan dari Allah SWT.

"Manakala bagi gejala budaya swing ini adalah satu perbuatan salah dari sudut agama Islam, ia tidak boleh dibiarkan berleluasa begitu sahaja kerana akan merosakkan akhlak serta masyarakat," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Tambah Abdul Rahman, perbuatan tersebut juga secara tidak langsung terangan-terangan telah mencemarkan imej agama Islam yang sememangnya suci dan murni.

"Perbuatan ini memudaratkan semua pihak malah ia juga merosakkan agama Islam itu sendiri. Jadi, semua pihak termasuk orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkenaan perkara tersebut perlu memaklumkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya," ujarinya.

Jelas beliau, orang ramai harus bijak dalam menggunakan media sosial dan elakkan daripada menjadikan medium tersebut untuk terjerumus ke lembah

kemaksiatan.

"Kini, perbuatan zina atau maksiat tidak lagi dilakukan secara tersembunyi, malah ada juga segelintir pihak yang langsung tidak malu dengan melakukan perbuatan tersebut.

"Elakkanlah daripada terus tergolong dalam perkara keji. Jadikan media sosial sebagai medium untuk menambah ilmu pengetahuan. Banyak faedah yang boleh diperolehi, jagalah adab, elakkan daripada perkara-perkara mungkar yang melemahkan iman.

"Orang Islam seharusnya takut untuk melakukan perkara maksiat, perlu ada perasaan takut kepada Allah. Malah semua pihak perlu main peranan dalam membanteras gejala atau budaya yang tidak bermoral seperti ini," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, beliau berharap sesiapa yang terlibat dalam gejala *swinger* tersebut terutamanya umat Islam untuk kembali ke pangkal jalan.

"Segeralah bertaubat, pintu taubat sentiasa terbuka, elakkan daripada terus melakukan perkara yang dilarang oleh Allah. Umat Islam juga sebaik-baiknya menasihati satu sama lain, kita tidak boleh biarkan perkara ini daripada terus menjadi trend, kerana ia adalah satu perbuatan yang haram serta keji," tegasnya. 17

Bekas bintang ragbi puji rakyat Malaysia

"SAYA perlu mengakui betapa baiknya rakyat Malaysia. Saya bangga sebagai seorang yang beragama Islam apabila melihat ramai jemaah yang datang untuk menunaikan solat Subuh," kata bekas bintang ragbi All Blacks, **Sonny Bill Williams**.

Gambaran tersebut diluahkan ketika hadir pada program Solat Subuh Macam Jumaat di Masjid Putra, Putrajaya yang dihadiri 5,000 jemaah pada Ahad lepas seawal pukul 5 pagi.

Memetik laporan Bernama, Williams, 39 tahun berasa teruja dengan semangat luar biasa yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia untuk program Solat Subuh Macam Jumaat yang dipimpin Imam Masjid Putra, Abdul Karim Zakaria. Williams turut berkesempatan memeriahkan sesi perkongsian ilmu.

Beliau yang pernah mewakili ragbi pasukan New Zealand memenangi kejuaraan Dunia dua kali pada 2011 dan 2015 amat tertarik dengan sikap merendah diri dan adab yang ditunjukkan oleh tiga rakyat Malaysia ketika bertemu di Makkah, baru-baru ini.

"Saya perlu mengakui betapa baiknya rakyat Malaysia," ujarinya yang berada di Malaysia bagi menghadiri pelbagai program keagamaan dan aktiviti sukan antaranya Klinik Ragbi di Mini Stadium Majlis Sukan Negara dan makan tengah hari bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam pada itu, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan pada program Solat Subuh Macam Jumaat antaranya jalan laju bermula dari pekarangan Masjid Putra hingga ke Istana Kehakiman, sejauh kira-kira 2.7 kilometer. 17



WILLIAMS bersama Mohd Na'im ketika hadir pada program Solat Subuh Macam Jumaat di Masjid Putra, Putrajaya baru-baru ini.